



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

ككوان
Kakwan
کتوا اوسهاون کچیل وانیٹا کلنتن
Ketua Usahawan Kecil Wanita Kelantan



مودول اوسهاون وانیٹا MODUL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH

MODUL USAHAWAN WANITA

SIRI 1

MODUL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH (MUSK)

Cetakan Pertama : 2024
ISBN: 978-967-17231-9-7

Hak Cipta Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita (U-KeKWa)
Kerajaan Negeri Kelantan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbitan. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

SIDANG PENYUNTING

Panel Penasihat : YB Dato Hjh Mumtaz Md Naww

Panel Penyemak : Puan Ilvira Mohd Dasuki
Puan Mas Rozita Mas Mohamad
Puan Bazilah Kamaruldin
YM Tuan Azura Raja Ismail
Puan Nur Syazwani Abdullah
Puan Nur Adyani Mohamed
Puan Nik Safilah Mat Daud

Penyelaras Penerbitan : Puan Badura Binti Bakri

Pereka Grafik : Puan Farah Farhana Ab Malek

Diterbitkan oleh:

**URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA
& WANITA (U-KEKWA)**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAS 2, BLOK 2, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN

Emel : ukekwa@gmail.com
Web : <https://ukekwa.kelantan.gov.my/>
FB | IG | Twitter | Tiktok : Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)
Tel : 09-748 1957
Faks : 09-744 4957

Editor

Dr Nor Zuriati Amani Binti Ab Rani
Nor Sabrina Binti Zahari

Ketua Penyelidik

Suraya Binti Husin

Ahli Penyelidik

Dr Nor Zuriati Amani Binti Ab Rani
Dr Azyanee Binti Luqman
Dr Wan Marhaini Binti Wan Omar
Dr Nik Sarina Binti Nik Md Salleh
Dr Sakinah Binti Mat Zin
Nor Sabrina Binti Zahari
Nur Azureen Binti Abd Hadi
Nur Hazelen Binti Mat Rusok
Rosfatihah Binti Che Mat

Pembantu Penyelidik

Wan Fariza Azima Binti Che Azman

Enumerator

Dr Azmahani Binti Yaacob @Othman	Nik Suriati Binti Nik Hassan
Dr Nurazleena Binti Ismail	Nooradzlina Binti Mohd Pauzi
Dr Hatinah Binti Abu Bakar	Nor Haryanti Binti Md Nor
Dr Siti Nur Zahirah Binti Omar	Norazzila Binti Shamsuddin
Dr Mariam Binti Setapa	Norrini Binti Muhammad
Dr Mazlina Binti Mamat	Norsilawati Binti Mohd Hassan
Dr Tismazammi Binti Mustafa	Nur Haslina Binti Ramli
Dr Ayu Kamareenna Binti Abdullah Thani	Nurul Syaquirah Binti Zulqernain
Dr Nor Halida Haziaton Binti Mohd Noor	Roseliza Binti Hamid
Dr Zurina Binti Ismail	Siti Rosnita Binti Sakarji
Fadhilah Binti Mohd Ishak@Zainudin	Rabihah Binti Nawawi
Asma Shazwani Binti Shari	Ruhani Binti Muhamad Farah
Ahlami Binti Mansor	Siti Maziah Binti Ab Rahman
Farahiyah Akmal Binti Mat Nawi	Siti Sarah Binti Mohamad
Hadhifah Fadhlina Binti Ismail	Syazwani Binti A.Malek@Abdul Malek
Intan Nurul'ain Binti Mohd Firdaus Kozako	Wan Asma Hanim Binti Wan Mustapha
Khamisah Binti Abd Manaf	Wan Masnieza Binti Wan Mustapha
Mas Ayu Diana Binti Mohd Fauzi	Wan Nor Hazimah Binti Wan Azib
Mimi Zazira Binti Hashim	Mazuin Binti Mat Halif
Nadia Farleena Binti Mohd Aznan	Yusrina Hayati Binti Nik Muhammad Naziman

Reviewer

Dr Shahrizal Bin Mahpol

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

KANDUNGAN

AMANAT	ix
SEKAPUR SIREH	xi
PRAWACANA	xiii
PENGHARGAAN	xv
PENGENALAN	xvi
BAHAGIAN I:	
LATAR BELAKANG SAYYIDATINA KHADIJAH RA	1
BAB 1	
SAYYIDATINA KHADIJAH RA	3
PENGENALAN	3
SIAPAKAH SAYYIDATINA KHADIJAH RA?	4
KELAHIRAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA	5
KISAH PERNIKAHAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA DENGAN RASULULLAH SAW	5
BAB 2	
KEUSAHAWANAN DALAM KONTEKS ISLAM	8
PENGENALAN	8
KONSEP KEUSAHAWANAN DALAM ISLAM	8
ISLAM DAN EKONOMI	10
KEPENTINGAN EKONOMI DALAM KEHIDUPAN UMAT ISLAM	11
SALAH FAHAM TENTANG KEPENTINGAN EKONOMI	12
PENDEKATAN UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI UMAT ISLAM	13
WANITA DAN EKONOMI ISLAM	15
WANITA DAN EKONOMI KELANTAN	16
BAB 3	
KEUSAHAWANAN SAYYIDATINA KHADIJAH	22
PENGENALAN	22
KEUSAHAWANAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA	22

FAKTOR KEJAYAAN PERNIAGAAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA	24
MODEL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH (MUSK)	25
BAHAGIAN II:	27
MODEL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA	
BAB 4	
KEPERIBADIAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA	29
PENGENALAN	29
BERAKHLAK BAIK	30
<i>Gelaran Al-Tahirah, “Wanita Yang Suci”</i>	30
<i>Kemuliaan Akhlak Sayyidatina Khadijah RA</i>	32
<i>Peristiwa Turunnya Wahyu Yang Pertama</i>	33
<i>Hartawan Yang Dermawan</i>	35
KEIMANAN	36
<i>Wanita Pertama Beriman Kepada Allah Dan Rasul-Nya</i>	37
<i>Isteri Tonggak Perjuangan Dakwah Suami</i>	37
IBADAH	39
<i>Solat Pertama bersama Rasulullah SAW</i>	40
<i>Sedekah Penenang Jiwa</i>	41
<i>Perniagaan Adalah Satu Ibadah</i>	42
MINAT YANG MENDALAM	43
<i>Minat Yang Tidak Pernah Padam</i>	43
KREATIF DAN INOVATIF	44
<i>Usahawan yang Berfikiran Kreatif</i>	45
BAB 5	
SISTEM SOKONGAN	47
PENGENALAN	47
SOKONGAN KELUARGA	48
<i>Sumber Ketenangan Nabi Muhammad SAW</i>	48
<i>Pendamping Utama Rasulullah SAW</i>	49
<i>Keluarga Bahagia</i>	50
<i>Seorang Ibu Mithali</i>	50
<i>Orang-orang Kepercayaan</i>	52

PENGORBANAN	55
<i>Wanita Cekal Dalam Perjuangan Dakwah</i>	55
<i>Kesetiaan Luar Biasa Seorang Isteri</i>	58
<i>Tahun Kesedihan</i>	60
PENGURUSAN MASA	60
CABARAN	62
<i>Cabaran Dakwah, Ekonomi dan Perniagaan</i>	63
KEWANGAN	64
<i>Kecekapan Dalam Pengurusan Kewangan</i>	64
<i>Sistem Pengurusan Kewangan Yang Teratur</i>	66
BAB 6	
PERNIAGAAN SEBAGAI KERJAYA	69
PENGENALAN	69
PENGURUSAN DALAM PEKERJAAN	69
<i>Kecekapan dalam Pengurusan</i>	70
<i>Mengambil Peluang dan Berani Mengambil Risiko</i>	70
<i>Perniagaan Berkonsepkan Mudharabah</i>	71
<i>Amalan Pengurusan Yang Cekap</i>	72
<i>Konsep Empowerment</i>	73
<i>Komunikasi Yang Baik</i>	74
PENGURUSAN PERNIAGAAN	76
<i>Mengenal Pasti Pasaran</i>	76
<i>Bijak Menilai dan Mengurus Sumber Manusia</i>	77
<i>Membina Penjenamaan Perniagaan</i>	78
<i>Mengamalkan Outsourcing dalam Perniagaan</i>	80
<i>“Teamwork” Yang Jujur Dan Amanah</i>	81
<i>Kualiti Produk dan Perkhidmatan yang Unggul</i>	82
<i>Hubungan Baik Dengan Pembekal</i>	83
<i>Pengurusan Stok Dan Bekalan Perniagaan</i>	83
BAB 7	
KETERLIBATAN DALAM MASYARAKAT	85
PENGENALAN	85

PEMBANGUNAN DAN SUMBANGAN SOSIAL	85
<i>Gelaran Ummul Mukminin Pertama</i>	86
<i>Sumbangan Tidak Ternilai</i>	87
<i>Pemberi Makan Masyarakat yang Kelaparan</i>	88
<i>Layanan Baik Terhadap Wanita Kesayangan Rasulullah SAW</i>	89
<i>Kehilangan Yang Dirasai</i>	90
KEAGAMAAN	92
<i>Wanita Pertama Masuk Islam</i>	92
<i>Pendamping Rasulullah SAW dalam Perjuangan Islam</i>	93
KURSUS DAN LATIHAN	94
<i>Tokoh Korporat Bijaksana</i>	95
<i>Latihan Dan Pembangunan</i>	96
PENUTUP DAN RUMUSAN	96
RUJUKAN	98
LAMPIRAN	100



AMANAT

**YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN
MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ ذَرْقٍ وَمَا
أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾ فَإِنَّ
لِلَّذِينَ ظَلَمُوا ذُنُوبًا مِثْلَ ذُنُوبِ أَصْحَابِهِمْ فَلَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang Memberi Rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya." (Surah Adz-Dzaariyaat: Ayat 56-59)

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji dan puja hanya kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarganya dan sahabat pembawa risalah Islam yang suci.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak terlibat yang telah bertungkus lumus serta menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan projek pembangunan modul ini.

Sayyidatina Khadijah telah menunjukkan bahawa Islam tidak pernah meminggirkan kaum wanita. Beliau adalah orang pertama yang paling bijak dan berani mempercayai dan menerima Nabi Muhammad SAW sebagai rakan kongsi pada saat orang tidak melihat kehebatannya.

Penerimaannya terhadap Nabi bukan sahaja sebagai rakan kongsi perniagaan, malahan rakan kongsi hidup. Wanita ini adalah tokoh penting dan utama yang sangat berani serta bertanggungjawab mengambil risiko menerima, membiayai dan mengembangkan cetusan minda usahawan Rasullulah SAW. Demikian, amat tepatlah Sayyidatina Khadijah RA ini dijadikan model usahawan wanita terbaik serta terunggul kepada kita semua khususnya bagi wanita Negeri Kelantan yang sangat sinonim dengan budaya suka berniaga.

Akhir kalam, sekali lagi ingin saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Abdol Samad, Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan serta seluruh kumpulan penyelidik UiTM dan penggerak daripada UKeKWa yang sejak awal berusaha bagi menyediakan dan membangun **Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK)** ini. Semoga ia menjadi amal jariah untuk kita di akhirat kelak.

Siiru Ala Barakatillah.


Sekian, terima kasih. Wassalam.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”

“KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN”

“KELANTAN CAKNA WANITA”

Dengan hormatnya,



Dato' Bentara Kanan
Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob
S.J.M.K, D.J.M.K, (Kelantan)
Menteri Besar Kelantan



SEKAPUR SIREH

**PENGERUSI
JAWATANKUASA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA
DAN WANITA NEGERI KELANTAN**

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (Surah Al-Jumuah: Ayat 10)

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda serta para sahabat r.a.

Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK) ini dirangka khusus untuk dijadikan panduan dalam pembangunan dan pemerkasaan wanita Kelantan yang berteraskan keperibadian Sayyidatina Khadijah RA, tanpa mengira apa jua peranan yang digalas oleh golongan wanita. Ini membuktikan keseriusan pihak kerajaan negeri untuk membekalkan ilmu pengetahuan kepada wanita menurut keperluan semasa dalam membangun wanita sebagai potensi sumber manusia terpenting untuk pembangunan masyarakat di negeri ini.

Sayyidatina Khadijah telah meninggalkan asas panduan bagi umat Islam untuk membentuk kehidupan yang sejahtera melalui konteks keusahawanan. Beliau telah membuktikan personaliti unggul berasaskan keimanan membolehkan seseorang usahawan mampu mencapai kejayaan dalam aktiviti perniagaan yang diceburi.

Justeru, memperbetulkan pemahaman yang menafikan dasar-dasar Islam di dalam merealisasikan program pembangunan yang menyeluruh. Ia

akan meletakkan program pembangunan berlandaskan syariat Islam di Kelantan seiring dengan kehendak masyarakat majmuk dan pelaksanaan pembangunan berlandaskan syariat Islam serta memberi manfaat kepada semua kaum dalam negara ini; dan sekaligus meyakinkan masyarakat Kelantan khususnya dan masyarakat Malaysia amnya bahawa masyarakat majmuk bukanlah menjadi penghalang kepada pelaksanaan syariat Islam.

Akhir kata, sekalung tahniah kepada team U-KeKWa dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan yang mengendalikan modul ini bagaikan patah tongkat bertelean, habis hulubalang bersiak. Semoga usaha gigih ini, kita bukan sekadar melahirkan wanita sebagai usahawan malah melahirkan usahawan yang bertaqwa.

Siiru ala Barakatillah
Sekian, wassalam.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI
PERUBAHAN”
“KEBERKATAN- KEMAKMURAN - KEBAJIKAN”
“AGAR DIRIMU SEMULIA KHADIJAH”

Dengan hormatnya,



Dato' Hajah Mumtaz Binti Haji Md Nawi,
D.J.M.K., J.M.K., (Kelantan)
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita,
Kerajaan Negeri Kelantan

PRAWACANA



**PENGARAH
URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA
& WANITA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ
إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu membunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu. (Surah An-Nisaa': Ayat 29)*

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga hari kesudahan.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya, buku **Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK)** berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob serta EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawawi serta Timbalan EXCO, YB Rohani Ibrahim atas sokongan, dokongan dan kepercayaan yang diberikan. Ia merupakan manifestasi kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk merealisasikan agenda pembangunan sosio-ekonomi negeri.


U-KeKWa dengan Kerjasama pasukan penyelidik UiTM berusaha mewujudkan modul keusahawanan yang holistic dan kondusif berdasarkan Pelan Strategik 'Kelantan Melangkah Ke Hadapan' (KMK 2016-2025). Sehubungan itu, modul ini dirangka dengan gerak kerja yang cukup teliti, mengambil kira inspirasi dan hasrat para usahawan tempatan yang sekian lama menunggu rujukan khusus untuk pembangunan keusahawanan seiring dengan agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).

Akhir kata, semoga modul ini mampu menjadi pemangkin kebangkitan ekonomi yang inklusif dan dapat mengupaya semangat waja keusahawanan tulen dalam kalangan rakyat, bermula di peringkat akar umbi sehinggalah kesiagaan memperkukuh wibawa untuk bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Siiru Ala Barakatillah
Sekian, wassalam

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"
"KELANTAN CAKNA WANITA"

Dengan hormatnya,



Ilvira Binti Mohd Dasuki
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Negeri Kelantan

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah hirrabbi'l'amin. Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK) telah berjaya dibukukan dengan jayanya. Modul MUSK merupakan hasil penyelidikan daripada dana yang dianugerahkan oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa) kepada penyelidik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK). Melalui medium penyelidikan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato Hajah Mumtaz Binti Md Nawī, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan atas sokongan dan bimbingan dalam menyempurnakan proses penyelidikan dan penghasilan modul ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) umumnya dan khususnya kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) kerana telah memberi sokongan dan kebenaran untuk menggunakan kemudahan universiti dari awal proses perbincangan sehingga selesai kajian. Kami juga merakamkan ucapan terima kasih buat semua pegawai U-KeKWa yang telah menyokong dan membekalkan maklumat yang lengkap sepanjang penyelidikan dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua enumerator dan para penulis bersama UiTMCK yang telah meluangkan masa dan kerjasama dalam proses pengumpulan data, analisis dan penulisan penyelidikan ini. Kami juga dengan penuh kerendahan hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden kajian iaitu semua usahawan wanita Kelantan yang terlibat kerana sudi meluangkan masa serta memberikan input yang sangat berharga kepada pihak U-KeKWa dan kumpulan penyelidik. Akhir sekali, sekalung tahniah dan terima kasih kepada kumpulan penyelidik kerana telah melaksanakan dan menyiapkan Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK) dengan jayanya.

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

PENGENALAN

Modul ini dirangka khas untuk dijadikan panduan dalam pembangunan dan permerkasaan wanita terhadap keusahawanan yang berteraskan keperibadian Sayyidatina Khadijah RA. Modul ini dinamakan sebagai Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah atau dikenali sebagai MUSK. Pemilihan Sayyidatina Khadijah RA disebabkan beliau merupakan tokoh wanita Islam hebat dan perlu dicontohi oleh para usahawan wanita berdasarkan keperibadian, akhlak dan ciri-ciri Sayyidatina Khadijah RA dalam bidang keusahawanan. Ciri-ciri keusahawanan beliau adalah bertepatan dan sangat diperlukan dalam membentuk garis panduan untuk memandu usahawan wanita ke arah kejayaan bukan sahaja di dalam perniagaan malah kehidupan secara umumnya. Ini termasuklah menguruskan keluarga dan rumahtangga, mempunyai kerjaya yang baik dan berjaya serta terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan. Tema modul ini adalah menjadikan Sayyidatina Khadijah RA sebagai inspirasi dan contoh ikutan terbaik bagi seseorang usahawan wanita untuk berjaya dan terus cemerlang dalam perniagaan.

Objektif modul ini adalah memberi kefahaman mengenai konsep keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA. Menyemak semula kefahaman, perancangan dan amalan yang dilaksanakan oleh usahawan serta menawarkan pilihan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu membangunkan perniagaan usahawan dan seterusnya memberi panduan praktikal dan mudah kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan.

Secara ringkasnya, modul ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama adalah latar belakang Sayyidatina Khadijah RA yang terdiri daripada bab 1, 2 dan 3. Bab 1 menerangkan latar belakang Sayyidatina Khadijah RA dan kisah pernikahan beliau dengan Nabi Muhammad SAW. Bab 2 merangkumi konsep- konsep keusahawanan, konsep Islam dan Ekonomi Islam berserta Wanita dan Ekonomi Islam dan pengkhususan kepada Wanita dan Ekonomi Kelantan. Bab 3 pula menjelaskan keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA, faktor kejayaan keusahawanan beliau dan Model Usahawan Sayyidatina Khadijah RA (MUSK).

Bahagian kedua adalah Model Keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA yang terdiri daripada bab 4, 5, 6 dan 7. Bab 4 menjelaskan keperibadian Sayyidatina Khadijah RA melalui akhlak yang baik, keimanan beliau pada Allah SWT, ibadah yang dilakukan serta minat yang mendalam dan kreatif dan inovatif dalam keusahawanan. Bab 5 menerangkan sistem sokongan ke atas kejayaan Sayyidatina Khadijah RA yang berdasarkan kepada sokongan keluarga, pengurusan masa dan kewangan serta cabaran yang dihadapi oleh beliau. Manakala Bab 6 menjelaskan pengurusan pekerjaan dan perniagaan yang dijalankan oleh Sayyidatina Khadijah RA. Bab 7 menerangkan keterlibatan Sayyidatina Khadijah RA dalam aktiviti kemasyarakatan sama ada dalam pembangunan sosial dan masyarakat, keagamaan serta kursus dan latihan yang diperolehi oleh Sayyidatina Khadijah RA. Seterusnya, bab akhir adalah penutup dan rumusan bagi modul MUSK ini.



LATAR BELAKANG SAYYIDATINA KHADIJAH RA

BAB 1

SAYYIDATINA KHADIJAH RA

Objektif bab ini:

- 1. Menerangkan latar belakang Sayyidatina Khadijah RA**
- 2. Mengisahkan perkahwinan Sayyidatina Khadijah RA dengan Baginda Rasulullah SAW**

PENGENALAN

Nama Sayyidatina Khadijah RA tidak asing lagi dalam kalangan kita apabila kisah keperibadian, keusahawanan dan kehebatan beliau telah memberi inspirasi kepada semua wanita. Beliau dianggap wanita paling mulia dan paling agung berbanding wanita-wanita lain dalam sejarah Islam. Bak kata ungkapan,

*“Seluruh hidupnya bak mawar yang sentiasa
mekar mewangi sepanjang zaman”*

Tidak ada orang lain yang dapat menyamai beliau sama ada dari sumbangan infaknya yang bersifat kejiwaan, harta benda ataupun dalam menguruskan rumahtangga dan keluarga. Bantuan dan pertolongan yang diberikan oleh beliau meliputi semua aspek yang diperlukan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Sepertimana kata-kata Baginda Rasulullah SAW yang menggambarkan siapa sebenarnya Sayyidatina Khadijah RA dalam kehidupan Baginda sebagaimana sabdanya (Ahmad, 2013).

*“Dialah (Khadijah) orang yang beriman
ketika manusia mengingkari, dialah yang membenarkan aku ketika manusia
mendustakan aku dan dialah juga yang menyara hidupku
ketika manusia memulau aku”.*
(Riwayat Ahmad)

Ini bermakna Sayyidatina Khadijah RA telah memperoleh penghormatan yang tertinggi oleh Baginda Rasulullah SAW atas keperibadian yang baik dan jasa yang dicurahkan kepada Rasulullah SAW.

SIAPAKAH SAYYIDATINA KHADIJAH RA?

Nama penuh Sayyidatina Khadijah RA adalah Khadijah binti Khuwaylid bin Asad bin Abdul ‘Uzza bin Qusay. Bapanya bernama Khuwailid bin Asad dan ibunya bernama Fatimah binti Za’idah.

Sayyidatina Khadijah RA berasal dari keturunan Bani Asad dari suku Quraisy. Keturunannya sangat dihormati dan disegani dalam kalangan penduduk Mekah. Datuknya yang digelar Ibnu Khantsar merupakan seorang pahlawan Quraisy pada zaman jahiliyah dan neneknya pula bernama Halah binti Abdi Manaf bin Al Harith yang nasab keturunannya bersambung dengan Lu’ay bin Ghalib.

Sayyidatina Khadijah RA merupakan isteri pertama Rasulullah SAW dan wanita pertama yang memeluk agama Islam. Beliau mempunyai enam orang anak bersama Rasulullah SAW iaitu dua orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan. Nama anak beliau adalah:

INFO:

Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ Isteri pertama Rasulullah SAW.
- ✧ Wanita pertama memeluk agama Islam.

- i. Al-Qasim bin Muhammad
- ii. Abdullah bin Muhammad
- iii. Zainab binti Muhammad
- iv. Ruqayyah binti Muhammad
- v. Ummu Kalthum binti Muhammad
- vi. Fatimah binti Muhammad

KELAHIRAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA

Sayyidatina Khadijah RA dilahirkan di Mekah pada tahun ke-68 sebelum hijrah atau pada tahun ke-555 Masihi. Beliau lahir dari sebuah keluarga bangsawan dan terhormat dengan limpahan hartanya, namun sedikit pun tidak muncul sifat sombong dan bongkak dalam dirinya, malah beliau adalah orang yang merendah hati.

Pada tahun 575 Masihi, ibunda Sayyidatina Khadijah RA telah meninggal dunia dan 10 tahun selepas itu ayahandanya pula menyusul meninggalkan Sayyidatina Khadijah RA. Sayyidatina Khadijah RA mewarisi harta kekayaan ibunda dan ayahandanya dan tetap meneruskan perniagaan mereka sehingga membuatkan beliau menjadi wanita yang semakin berdikari.

KISAH PERNIKAHAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA DENGAN RASULULLAH SAW

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang wanita yang hebat sehingga ramai orang yang datang untuk meminangnya. Akan tetapi beliau menolak setiap pinangan- pinangan tersebut secara baik dan tetap fokus pada perniagaannya.

INFO:

✧ Sebelum berkahwin dengan Rasulullah, Sayyidatina Khadijah RA pernah berkahwin dengan Abu Halah bin Zurarah dan Atiq bin 'Ai'id.

Pada suatu hari, telah datang satu berita dari buah mulut orang-orang sekitarnya mengatakan bahawa ada seorang pemuda yang pandai dan sangat dipercayai. Pemuda tersebut adalah Rasulullah SAW. Rasulullah SAW pada saat itu sangat terkenal sebagai seorang pemuda yang amanah sehingga diberikan julukan *Al-Amin* iaitu bermaksud “orang yang dipercayai”. Sayyidatina Khadijah RA pun dengan rasa ingin tahu telah mengutus pembantunya yang bernama Maisarah Ibn Maaruuq dengan niat menawarkan pekerjaan kepada Rasulullah SAW untuk membawa barang dagangannya ke negeri Syam. Rasulullah SAW ketika itu menerima tawaran Sayyidatina Khadijah RA. Sebelum berangkat menuju ke Syam, Sayyidatina Khadijah RA memberikan pesanan kepada Maisarah untuk memerhatikan Rasulullah SAW dan memberikan laporan kepadanya ketika kembali.

Setelah rombongan yang diamanahkan kepada Rasulullah SAW kembali semula ke Mekah dari Syam, Maisarah pun mendatangi Sayyidatina Khadijah RA dan memberikan laporan atas apa yang dia perhatikan dari diri seorang Muhammad SAW. Maisarah mengatakan bahawa Rasulullah SAW adalah orang yang mempunyai budi pekerti yang mulia dan merupakan orang yang sangat jujur dalam berniaga. Mendengar laporan dari Maisarah, membuatkan Sayyidatina Khadijah RA semakin tertarik kepada Baginda dan mempunyai harapan dapat menikah dengannya. Akhirnya Sayyidatina Khadijah RA mengutus seseorang sahabatnya yang bernama Nafisah binti Munabbih untuk menjadi perantaranya dalam menyampaikan hajatnya kepada Baginda Rasulullah SAW.

Pada waktu ketika Nafisah pergi bertemu dengan Rasulullah SAW, beliau pun mengungkapkan hal sebenarnya kenapa dia bertemu dengan Baginda. Akhirnya beliau menanyakan kesediaan Rasulullah SAW untuk bernikah dengan Sayyidatina Khadijah RA. Rasulullah SAW pun dengan kesediaannya menyetujui lamaran tersebut. Dengan perasaan gembira, Nafisah pun pergi membawa khabar baik tersebut kepada Sayyidatina Khadijah RA dan tidak lama selepas itu Sayyidatina Khadijah RA pun menikah dengan Rasulullah SAW. Ketika itu, Sayyidatina Khadijah RA berusia 40

tahun manakala Nabi Muhammad SAW berumur 25 tahun. Sayyidatina Khadijah RA merupakan isteri yang amat disegani dan dihormati masyarakat serta sentiasa berada di samping Baginda Rasulullah SAW dalam kesusahan mahupun dalam kesenangan.

BAB 2

KEUSAHAWANAN DALAM KONTEKS ISLAM

Objektif bab ini:

1. Memahami maksud usahawan dan keusahawanan.
2. Menjelaskan tentang keusahawanan wanita secara umumnya dan keusahawanan wanita dalam konteks Islam secara khususnya.
3. Menerangkan konsep keusahawanan wanita di Kelantan.

PENGENALAN

Secara umumnya, maksud **usahawan** adalah seorang individu yang membangunkan sesebuah perniagaan dengan inovasi dan berjaya mengatasi risiko dalam perniagaan untuk mencapai kejayaan dan keuntungan. Usahawan juga merupakan individu yang stabil dari segi emosi dan bijak membuat keputusan-keputusan yang penting dalam perniagaan untuk kekal relevan dalam tempoh jangka masa panjang.

Manakala **keusahawanan** adalah kemampuan dan kesediaan untuk membangun, mengurus dan menjalankan sebuah perniagaan serta menjana keuntungan di samping sanggup menghadapi pelbagai risiko dalam aktiviti perniagaan.

KONSEP KEUSAHAWANAN DALAM ISLAM

Dalam konteks Islam, keusahawanan sangat berkait rapat dengan usaha mencari peluang bagi meraih pendapatan. Setiap perniagaan dan aktiviti

keusahawanan yang sesuai dengan ajaran Islam dianggap sebagai ibadah kepada Allah SWT. Justeru itu, perniagaan dan aktiviti keusahawanan harus dilakukan bersesuaian dengan panduan yang ditetapkan dalam undang-undang syariah seperti ibadah-ibadah lain dalam Islam.

Islam adalah agama syumul yang merangkumi segala aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Islam juga merupakan agama fitrah yang telah diiktiraf oleh Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud:

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka, sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.
(Surah Al-Maidah, 5:3)

Kesempurnaan Islam bukan sekadar merangkumi hal-hal keduniaan malah meliputi tatacara penghidupan yang baik sebagaimana yang telah digariskan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Al-Quran dan Al-Sunah merupakan sumber rujukan utama dan merupakan panduan terbaik dalam mendidik manusia menjalani kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Usahawan merupakan penggerak utama dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Tanpanya, negara kita akan mengalami kemunduran bukan sahaja dari segi ekonomi malah rakyatnya akan hidup dalam serba kekurangan walaupun kaya dengan sumber khazanah alam.

Perbincangan mengenai keusahawanan dalam modul ini adalah lebih tertumpu kepada keusahawanan dalam bidang perniagaan. Pelbagai definisi telah diberi oleh ulama Islam berkaitan dengan perniagaan atau jual beli. Menurut Al-Qurtubi (2006) perniagaan atau jual beli itu adalah kegiatan jual beli antara dua pihak iaitu penjual dengan pembeli. Di samping itu, Ibnu Khaldun (2004) pula, mendefinisikan perniagaan atau jual beli sebagai satu cara perluasan modal. Al-Jurjani (2003) pula mendefinisikan perniagaan

sebagai pertukaran wang dengan barang atau barang dengan barang untuk mendapatkan keuntungan. Kelebihan menjadi usahawan adalah untuk mendapat kepuasan diri, mewujudkan peluang pekerjaan, mencapai apa yang diinginkan dan memperoleh keuntungan yang setimpal.

ISLAM DAN EKONOMI

Jika diteliti, kedudukan ekonomi umat Islam di dunia hari ini secara keseluruhannya sangat menyedihkan berbanding pencapaian ekonomi penganut agama lain, seperti Kristian dan Yahudi. Realiti ini sangat bertentangan dengan falsafah kehidupan yang dipelopori oleh Islam itu sendiri. Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka tetapi mesti dalam batasan syariah yang dibenarkan.

Kedhaifan ekonomi umat Islam berpunca, sebahagiannya disebabkan kegagalan mereka sendiri dalam menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan lagi sempurna. Sebagai umat Islam kita tidak perlu menjadi miskin semata-mata untuk memberikan tumpuan kepada ibadah serta mendapatkan keredaan Allah SWT. Definisi ibadah itu sangat luas. Perlu difahami bahawa mencari pendapatan untuk menyara keluarga dan memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak merupakan satu ibadah yang sangat dituntut oleh Islam daripada setiap umatnya. Rasulullah SAW ada bersabda di dalam sebuah hadis (Ahmad 2013):

*“Sesungguhnya Allah suka kepada hamba
yang bekerja dan berusaha. Barangsiapa bersusah-payah mencari nafkah
untuk keluarganya maka dia serupa
dengan seorang mujahid di jalan Allah ‘azza wajalla.”
(Riwayat Ahmad)*

Dalam sebuah hadis lain pula Baginda bersabda (al-Hakim 2002):

*“Sesungguhnya Ruhul Qudus (Malaikat Jibril) membisikkan dalam
benakku bahawa jiwa tidak akan mati sebelum lengkap dan sempurna*

rezekinya. Kerana itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan memperbaiki mata pencarianmu. Apabila datangnya rezeki itu terlambat, janganlah kamu memburunya dengan jalan bermaksiat kepada Allah kerana apa yang ada di sisi Allah hanya boleh diraih dengan ketaatan kepadanya.”
(Riwayat al-Hakim)

KEPENTINGAN EKONOMI DALAM KEHIDUPAN UMAT ISLAM

Umat Islam hari ini memang memerlukan kemantapan ekonomi untuk meneruskan kehidupan serta menjalankan tanggung jawab mereka sebagai Muslimin dan Muslimat yang baik. Ini memang ada dinyatakan sendiri oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya (al-Tabrani t.t.):

“Pada akhir zaman kelak manusia harus menyediakan harta untuk menegakkan urusan agama dan urusan dunianya.”
(Riwayat al-Tabrani)

Di dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW ada bersabda (al-Daylami 1986):

“Harta kekayaan adalah sebaik-baik penolong bagi pemeliharaan ketakwaan kepada Allah.”
(Riwayat al-Daylami)

Kita di Malaysia patut bersyukur kerana dilimpahkan rahmat yang secukupnya sehingga kita boleh menjalani kehidupan dengan agak selesa. Di sesetengah negara umat Islamnya tidak begitu bernasib baik seperti kita. Terdapat segelintir umat Islam yang meninggalkan agama mereka semata-mata kerana kesempitan hidup yang dilalui. Alasan mereka, semasa kehidupan mereka dalam kesempitan hanya jiran bukan-Islam sahaja yang mampu menghulurkan bantuan. Jiran-jiran Islam mereka pun tidak mampu berbuat apa-apa kerana secara kolektif mereka semuanya dhaif dibelenggu

oleh kemiskinan. Inilah yang dikatakan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya (al- Tabrani t.t.):

*“Kesengsaraan yang paling sengsara ialah
miskin di dunia dan disiksa di akhirat.”
(Riwayat al-Tabrani)*

SALAH FAHAM TENTANG KEPENTINGAN EKONOMI

Dalam memperkatakan hal-ehwal pembangunan ekonomi, umat Islam selalunya meletakkan diri mereka ke dalam satu keadaan yang merumitkan iaitu di antara tuntutan duniawi atau tuntutan akhirat. Yang mana lebih penting, kehidupan di dunia atau kehidupan di akhirat?

Ini yang banyak menimbulkan kekeliruan. Kita tidak nafikan bahawa sebagai umat Islam, kita berpegang kepada falsafah bahawa kehidupan di dunia ini adalah bersifat sementara sahaja dan matlamat kita ialah kehidupan yang lebih baik dan kekal di akhirat. Oleh itu, ada orang yang memilih jalan yang mengutamakan pencarian untuk bekalan akhirat. Pegangan seperti ini mungkin berdasarkan kepada beberapa buah hadis (al-Bukhari 2002) antaranya:

*“Aku menjenguk ke syurga dan aku melihat
kebanyakan penghuninya orang- orang fakir.
Lalu aku menjenguk ke neraka
dan aku melihat kebanyakan penghuninya
adalah kaum wanita.”
(Riwayat al-Bukhari)*

Di dalam sebuah hadis lain Rasulullah SAW ada bersabda (al-Tirmizi 1962):

*“Orang-orang fakir akan memasuki syurga lima ratus tahun
sebelum orang-orang kaya memasukinya.”
(Riwayat al-Tirmizi)*

Ada sebahagian berpendapat, selaras dengan Islam itu sendiri yang mengutamakan kesederhanaan, iaitu kita mesti mengimbangkan di antara kehidupan di dunia dan juga kehidupan di akhirat. Kedua-dua hadis di atas perlu dilihat dalam konteks suatu peringatan kepada orang berharta supaya lebih berhati-hati dalam mendapatkan kekayaan mereka agar tidak melanggar batasan syariah.

Rasulullah SAW ada bersabda (al-Bukhari 2002):

“Orang yang paling dirundung penyesalan di hari kiamat ialah orang yang memperolehi harta dari sumber yang tidak halal lalu menyebabkannya masuk neraka.”
(Riwayat al-Bukhari)

Perlu juga difahami bahawa pemilikan harta diiringi dengan tanggungjawab. Harta kekayaan perlu dibelanjakan ke jalan Allah SWT. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW (al-Bukhari 2002):

“Sesungguhnya orang-orang yang mengelolakan harta Allah dengan tidak benar maka bagi mereka api neraka pada hari kiamat.”
(Riwayat al-Bukhari)

PENDEKATAN UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI UMAT ISLAM

Kita mesti akui bahawa cara terbaik untuk meningkatkan penguasaan ekonomi orang Islam adalah melalui perniagaan. Ini memang dinyatakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis (Ahmad 2013):

“Mata pencarian yang paling afdal adalah berniaga dengan penuh kebajikan dan dari hasil usaha tangan.”
(Riwayat Ahmad)

Dalam menggalakkan umat Islam berniaga, Allah SWT pula berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi, dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”
(Surah An-Nisaa’:29).

Dalam konteks perniagaan ini, umat Islam perlu sepakat dalam membangunkan ekonomi mereka. Rasulullah SAW ada berkata dalam sabdanya (Muhammad Fu’ad Abdul Baqi 2004):

“Seorang mukmin terhadap mukmin lainnya seumpama bangunan, saling menguatkan satu dengan yang lain (kemudian Rasulullah SAW merapatkan jari-jari tangan baginda.)”
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Adalah penting untuk kita secara beransur-ansur menguasai semua peringkat kegiatan di dalam sesuatu bidang yang diceburi sama ada menjadi pembekal, pengusaha atau pemasar dalam industri. Hanya dengan cara ini, perniagaan umat Islam tidak dimanipulasi dan ditindas oleh orang lain.

Namun begitu, dalam konteks dunia moden hari ini, peningkatan ekonomi tidak semestinya berlaku melalui kegiatan perniagaan sahaja. Kebanyakan pekerjaan bergaji yang memerlukan kepakaran serta kemahiran tinggi juga mampu meningkatkan taraf ekonomi seseorang atau sesuatu keluarga. Oleh itu, disamping menceburi perniagaan, umat Islam juga perlu menguasai ilmu serta kepakaran tertentu seperti kedoktoran, kejuruteraan, perakaunan, kewangan, pelaburan dan sebagainya. Kita masih boleh meningkatkan ekonomi diri sendiri dan dalam masa yang sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam keseluruhannya.

Ini merupakan konsep “*jihad*” yang relevan pada hari ini dan mesti dipegang oleh umat Islam seluruhnya. Kita juga perlu melihat kesan ekonomi individu Islam ke atas kedudukan ekonomi umat Islam keseluruhannya. Sikap yang mengabaikan keperluan ekonomi di dunia ini akan melemahkan kedudukan ekonomi serta martabat orang Islam sendiri. Dalam masa yang sama, kedudukan ekonomi yang lemah akan memudahkan kita dieksploitasi oleh orang lain.

WANITA DAN EKONOMI ISLAM

Islam dari awal lagi telah mengagungkan golongan wanita. Sebagai contoh, di dalam sejarah dunia Islam telah mencatatkan kejayaan perdagangan Sayyidatina Khadijah RA dalam bidang perniagaan.

Selain itu, aktiviti perdagangan pada zaman Rasulullah turut disertai oleh usahawan-usahawan wanita lain. Di antara tokoh usahawan wanita yang terkenal ialah al-Haula’ al-Attarah adalah seorang peniaga minyak wangi di Madinah. Begitu juga dengan Mulaykah yang pernah menjual minyak wangi kepada Rasulullah. Ummu al-Munzir pula seorang wanita yang terkenal sebagai peniaga tamar di pasar Ukkaz.

Selain bidang perniagaan, wanita di zaman Rasulullah SAW turut terlibat dalam industri pembuatan kecil. Terdapat beberapa wanita di zaman Rasulullah SAW yang mahir dalam pelbagai sektor pembuatan. Di antara tokoh tersebut ialah Raytah ibn Abdullah merupakan seorang wanita yang kreatif dalam pembuatan hasil tangan. Beliau akan menjadikan hasil tangan tersebut sebagai modal perniagaan beliau.

Begitu juga dengan Zainab binti Jahsh isteri baginda Nabi SAW yang terkenal sebagai wanita yang paling banyak bersedekah. Beliau adalah antara wanita yang melakukan kerja-kerja perusahaan kecil. Beliau menguruskan kerja pembersihan kulit binatang serta melakukan kerja-kerja jahitan. Hasil kerja tangan beliau akan dijadikan sumber untuk disumbangkan di jalan Allah.

Terdapat juga wanita di zaman Rasulullah SAW yang terlibat dalam bidang ternakan dan bidang perubatan. Contoh tokoh dalam bidang ternakan seperti Salamah al-Dabbiyyah yang telah mengusahakan ternakan kambing bagi menyara keluarganya. Selain itu, Rufaydah al-Ansariyyah adalah nama yang tidak asing lagi dalam bidang perubatan. Beliau memainkan peranan penting dalam urusan merawat dan menguruskan pesakit di zaman Rasulullah SAW. Beliau mempunyai satu khemah khas di sisi masjid Nabi yang berperanan seperti klinik yang menguruskan mereka yang cedera atau sakit, samada ketika tempoh perang atau dalam situasi yang aman. Selain Rufaydah, al-Rubayyi' bint Muawwiz bin Afra' digambarkan sebagai seorang yang berperanan menjalankan tugas kejururawatan buat perajurit muslimin ketika perang. Beliau turut menyertai beberapa peperangan bagi melaksanakan tugas tersebut.

Selain itu, terdapat juga wanita yang kerjanya adalah membantu kerja suami. Ini terpamer dalam sirah Asma binti Abu Bakar yang banyak membantu kerja-kerja suaminya al-Zubair. Menurut Asma, di awal usia perkahwinan, mereka tidak mempunyai apa-apa melainkan seekor kuda dan unta. Asma diriwayatkan banyak membantu Zubair termasuklah dalam kerja menguruskan kuda dan unta mereka. Asma juga membantu Zubair dalam menguruskan ladang kurma. Rasulullah SAW diriwayatkan pernah terserempak dengan Asma yang sedang menjunjung biji kurma di atas kepala beliau.

Namun begitu, wanita yang mempunyai kerjaya haruslah menepati syarat yang digariskan oleh Islam. Batasan syariat haruslah sentiasa dijaga bagi mengelakkan sebarang fasad (kerosakan) serta fitnah yang boleh menimpa umat ini.

WANITA DAN EKONOMI KELANTAN

Wanita bukan sahaja memainkan peranan utama dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan antara penyumbang penting dalam

penghasilan sumber ekonomi negara. Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati jumlah keseluruhan populasi wanita Malaysia ialah seramai 15.8 juta atau mewakili satu pertiga daripada jumlah buruh Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Ini merupakan satu jumlah yang besar dalam memangkin pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini telah mendorong kerajaan untuk mengiktiraf sumbangan besar wanita di dalam pembangunan negara.

Di negeri Kelantan, golongan wanita khususnya banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Wanita Kelantan sering dikaitkan dengan bidang perniagaan apabila ramai usahawan wanita di Kelantan yang dikenal pasti telah mencipta nama dalam bidang perniagaan sama ada di peringkat Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Secara amnya, dunia perniagaan bukanlah satu bidang yang asing di kalangan wanita Kelantan. Mereka dilihat memiliki minat yang sangat mendalam dalam perniagaan dan perkara ini dapat dikaitkan dengan beberapa faktor penyebab iaitu di antaranya, budaya perniagaan yang kental; budaya simpanan emas sebagai aset jangka panjang; serta membudayakan sikap tidak berhutang menjadikan wanita Kelantan mampu maju dalam bidang perniagaan. Wanita Kelantan mempunyai keunikan dalam melestarikan perniagaan mereka sejak turun temurun lagi. Keunikan budaya yang berbeza merangkumi sikap, cara berniaga dan aspek-aspek yang dititikberatkan dalam perniagaan memacu mereka hingga mampu bertahan menongkah cabaran perniagaan walaupun dihipit pelbagai masalah ekonomi setempat dan global.

Menyedari kepentingan pelbagai peranan wanita dalam institusi kekeluargaan, masyarakat, ekonomi dan politik negara, kerajaan negeri Kelantan mengakui bahawa strategi-strategi khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara lebih berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan.

Sehubungan itu, Kerajaan Kelantan telah memilih dasar '*Membangun Bersama Islam*' berteraskan '*Ubudiyyah* (perhambaan kepada Allah), *Mas'uliyah* (tanggungjawab) dan *Itqan* (ketekunan) dijadikan asas kepada

dasar utama bagi pembangunan Wanita Kelantan yang berasaskan Islam. Dasar ini bertujuan untuk membangun, mengembangkan kemuliaan serta memupuk potensi wanita demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat dan rakyat Kelantan selaras dengan penghayatan cara hidup Islam. Antara Prinsip Dasar Wanita Kelantan adalah:

- i. Dasar Wanita Negeri Kelantan berpegang pada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam hal memuliakan, membangun dan memperkasakan wanita di negeri Kelantan dan menerima dasar lain selagi tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Membela hak asasi wanita, menjamin perlindungan undang-undang dan kebebasan individu secara adil dan saksama berdasarkan syariat Islam dan fitrah kewanitaannya.
- ii. Mengisytiharkan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan wanita dengan mengenal pasti dan menyelesaikan masalah, isu dan keperluan wanita agar tidak berlaku diskriminasi *gender* dengan mengambil kira perbezaan fitrah, fisiologi dan emosi antara lelaki dan wanita yang membawa kepada perbezaan hak dan tanggungjawab yang membentuk keharmonian *gender*.
- iii. Mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita secara adil dan bersesuaian dengan batas-batas syarak dan agama dalam sektor ekonomi, politik dan budaya.
- iv. Berusaha untuk meningkatkan pengiktirafan suara wanita dalam masyarakat sebagaimana yang ditekankan oleh dasar-dasar wanita seluruh dunia bagi mencapai dan menggalakkan keadilan *gender* dan berusaha ke arah masyarakat yang adil dan demokratik.

Dasar Wanita Negeri Kelantan juga meletakkan pengukuhan keluarga sebagai salah satu daripada objektif strategiknya kerana peranan wanita adalah amat sinonim dengan institusi kekeluargaan. Pada tahun 2009, Kerajaan Kelantan telah menggubal satu dasar yang khusus bertujuan untuk

menguatkan institusi kekeluargaan yang dinamakan '*Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan*'. Dasar ini telah merangka agenda perubahan untuk wanita Kelantan yang meliputi lima belas (15) sektor utama iaitu agama, pendidikan, undang-undang, ekonomi, pekerjaan, politik, harta, keluarga, kesihatan, rekreasi, media, sistem sokongan, jaringan, keperluan asasi dan masyarakat. Daripada lima belas (15) agenda perubahan untuk wanita yang telah disenaraikan, agenda wanita dan agama diletakkan pada senarai yang teratas.

Manakala pada tahun 2013, Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat yang dipengerusikan oleh YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi telah memberikan tumpuan khusus terhadap agenda pembangunan wanita. Penubuhan dasar ini adalah untuk memastikan wanita berperanan sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, menjadi pendidik generasi akan datang serta sebagai pemangkin produktiviti masyarakat dalam pelbagai bidang.

Dasar Wanita Kelantan telah disemak semula pada 29 Disember 2021 dengan nama baharu daripada Dasar Wanita Kelantan telah diubah kepada Dasar Wanita Solehah Negeri Kelantan (DWSNK). Dasar ini digubal untuk dijadikan panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, hala tuju dan objektif strategik, perancangan dan program yang dianjurkan di Negeri Kelantan demi menjaga kepentingan dan pembangunan wanita selaras dengan dasar kerajaan negeri, iaitu '*Membangun Bersama Islam*' (MBI). Antara prinsip utama DWSNK termasuklah mengiktiraf kedudukan, hak wanita, peranan dan sumbangan wanita dari segi pemilikan harta, penglibatan diri dalam bidang ekonomi dan mendapatkan ganjaran setimpal dengan usahanya selaras dengan tuntutan dan ajaran Islam sepertimana firman Allah SWT:

*“Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan
(ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada
sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian
yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).”*

(Kerana telah tetap) lelaki-lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan wanita-wanita pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”
(Surah An-Nisa’ 4:32)

Hak dan tanggungjawab wanita dalam aspek ekonomi dan pekerjaan telah digarap dengan teliti di dalam DWSNK sebagaimana berikut:

- i. Wanita boleh melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan bidang pekerjaan.
- ii. Wanita bertanggungjawab menceburkan diri dalam pekerjaan yang memerlukan penglibatan mereka secara khusus.
- iii. Wanita berhak mendapat peluang yang adil dari segi perjawatan dan kemudahan.
- iv. Pihak berkuasa bertanggungjawab memberi galakan dan memastikan persekitaran dan kemudahan di tempat kerja adalah mesra wanita.
- v. Kerajaan bertanggungjawab memberi galakan kepada pelbagai sektor untuk membolehkan wanita bekerja dalam waktu yang fleksibel.
- vi. Wanita dan walinya bertanggungjawab memastikan mereka tidak terlibat dalam pekerjaan yang menjejaskan atau membahayakan kesihatan diri. Pihak berkuasa dan keluarga bertanggungjawab memberi galakan, sokongan dan pengiktirafan kepada wanita yang ingin melibatkan diri dalam bidang Sains Teknologi dan Matematik (STEM).

Perkembangan, pembentukan dan pelaksanaan Dasar Wanita Kelantan dapat digambarkan seperti rajah 1.1 di bawah:

**PERKEMBANGAN, PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN
DASAR WANITA DI NEGERI KELANTAN**

Rajah 1.1



Rajah 1.1: Perkembangan, Pembentukan dan Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan

BAB 3

KEUSAHAWANAN SAYYIDATINA KHADIJAH

Objektif bab ini:

1. Menjelaskan konsep keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA.
2. Menerangkan Model Usahawan Sayyidatina Khadijah RA.

PENGENALAN

Seperti mana diketahui umum, Sayyidatina Khadijah RA adalah model usahawan wanita yang unggul di zaman sebelum kenabian. Beliau dikatakan mempunyai modal yang besar serta rangkaian perdagangan yang luas. Rasulullah SAW pernah dilantik sebagai pengurus perniagaan beliau di Syam. Kebijaksanaan Baginda menguruskan barang dagangan Sayyidatina Khadijah RA bukan sahaja terbukti dengan hasil keuntungan yang besar bahkan Baginda turut membimbing wanita yang ingin berniaga. Oleh itu, Model keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA amat dikagumi dan perlu dijadikan contoh bagi usahawan wanita untuk berjaya dan menjadi wanita hebat dalam perniagaan.

KEUSAHAWANAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA

Sayyidatina Khadijah RA adalah orang pertama yang mengambil langkah **bijak dan berani** dengan mempercayai dan menerima Nabi Muhammad SAW sebagai rakan kongsi di saat orang lain tidak menyakini dan mempercayai kemampuan Baginda Rasulullah SAW dalam perniagaan. Cabaran perniagaan Sayyidatina Khadijah RA ini disaksikan sendiri oleh Rasulullah

SAW yang pernah bekerja di bawah seliaan beliau di awal pembabitan Rasulullah SAW dalam bidang perniagaan. Tidak hairanlah kenapa Sayyidatina Khadijah RA tidak hanya menerima Nabi Muhammad SAW sebagai rakan kongsi perniagaan, malahan memilih Baginda Rasulullah SAW sebagai pasangan hidup.

Sayyidatina Khadijah RA dianggap sebagai sosok penting yang berani **bertanggung jawab serta sanggup mengambil risiko** menerima, membiayai dan mengembangkan cetusan minda usahawan Baginda Rasulullah SAW. Sehubungan itu, Sayyidatina Khadijah RA telah dikategorikan sebagai tokoh usahawan ulung di zaman para sahabat sekali gus meletakkan beliau sebagai ikon atau tokoh perniagaan wanita yang disanjung dalam Islam.

Sayyidatina Khadijah RA juga sangat dikenali dengan **kemuliaan dan kemurahan hati** di mana beliau sanggup meminjamkan sebahagian hartanya untuk dijadikan modal perniagaan kepada sebilangan masyarakat Arab ketika itu. Beliau juga berjaya memartabatkan kedudukan wanita Arab yang berjaya dalam perniagaan biarpun pada ketika itu masyarakat Arab memandang rendah terhadap kaum wanita. Antara produk dagangan Sayyidatina Khadijah RA yang dibawa ke Syria adalah seperti kismis, minyak wangi, kurma, perak dan herba. Manakala barangan yang dijual di Mekah adalah seperti kain, pakaian, kelengkapan rumah dan produk mewah yang akan disasarkan kepada golongan hartawan Mekah.

Sayyidatina Khadijah RA juga seorang yang **bijak mengeksploitasi peluang-peluang** perniagaan. Beliau melihat peluang perniagaan serta sangat cekap dan mahir dalam mendapatkan maklumat berkenaan urusan perniagaan. Secara tidak formalnya, bagi mendapatkan maklumat perniagaan, Sayyidatina Khadijah RA menjalankan **proses pepadanan perniagaan** (*business matching*). Pepadanan perniagaan adalah proses yang bertujuan memadankan keperluan pihak-pihak terlibat dan seterusnya mewujudkan hubungan perniagaan antara dua ataupun lebih daripada pihak lain.

Sayyidatina Khadijah RA mengaplikasikan **konsep *mudarabah*** dan **konsep '*empowerment*'**. Konsep Mudarabah dijalankan oleh *mudharib* (rakan kongsi yang memiliki kepakaran dalam pengurusan) dan para pekerja yang telah dipilih khas bagi melaksanakan sesuatu urusan perniagaan. Manakala **konsep '*empowerment*'** bertunjangkan kesediaan pemimpin organisasi (Sayyidatina Khadijah RA) memberikan kebenaran kepada para pekerja supaya berfikir, bertindak dan mengambil keputusan secara bebas, asalkan tindakan dan keputusan itu dapat menyumbang kepada pencapaian objektif dan matlamat organisasi. Usai urusan perniagaan, Sayyidatina Khadijah RA akan memberi pendapat dan maklum balas berkaitan kerja-kerja yang telah dilaksanakan itu. Dengan sikap yang demikian, pemimpin dilihat tidak terlalu mengongkong pekerja.

FAKTOR KEJAYAAN PERNIAGAAN SAYYIDATINA KHADIJAH RA


Antara faktor kejayaan perniagaan Sayyidatina Khadijah RA adalah:

- i. Berani mengambil risiko yang mana walaupun beliau tidak mengenali Nabi Muhammad SAW secara dekat, namun Sayyidatina Khadijah RA tetap menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap cara Rasulullah SAW mengurus niaga.
- ii. Bijak mengambil peluang dan peka akan keperluan pelanggan untuk memasarkan barang niaganya. Ketika Rasulullah SAW menjadi pembantunya, Sayyidatina Khadijah RA meminta Rasulullah SAW untuk membeli barangan bermutu tinggi yang disasarkan menjadi kesukaan golongan kaya di Mekah.
- iii. Rajin berusaha, kuat semangat dan cekap dalam pengurusan. Sayyidatina Khadijah RA merupakan seorang yang teliti dan sangat tekun dalam menguruskan perniagaannya apabila beliau sendiri turun padang untuk memantau para pekerjanya menjalankan kerja masing-masing.

- iv. Mempunyai iman yang kukuh serta *fikrah* dan penjiwaan yang bersungguh dalam kerja
- v. Bersifat mendidik dan sentiasa berkongsi pengalaman dan kemahiran dengan para pekerjanya.
- vi. Sentiasa mensucikan harta melalui sedekah yang sentiasa diamalkan.

MODEL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH (MUSK)

Model Usahawan Sayyidatina Khadijah RA dibentuk berdasarkan ciri-ciri keusahawanan Sayyidatina Khadijah RA. Rajah 2.1 menunjukkan Model Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK). Model MUSK ini merangkumi empat (4) komponen UTAMA iaitu keperibadian, sistem sokongan, perniagaan sebagai kerjaya dan keterlibatan dalam masyarakat. Keempat-empat komponen ini dianggap sebagai ciri-ciri utama yang membentuk usahawan sebagaimana Sayyidatina Khadijah RA. Perincian setiap komponen diterangkan dalam bab-bab seterusnya.



Rajah 2.1: Model Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK)



MODEL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH

BAB 4

KEPERIBADIAN

SAYYIDATINA KHADIJAH RA

Objektif bab ini:

- 1. Menerangkan konsep keperibadian Sayyidatina Khadijah RA dalam keusahawanan.**
- 2. Menerangkan elemen berakhlak, keimanan, ibadah, minat yang mendalam serta sifat kreatif dan inovatif yang perlu pada usahawan wanita.**
- 3. Mempraktikkan kisah perjalanan kehidupan Sayyidatina Khadijah RA dalam konteks keperibadian beliau.**

PENGENALAN

Peribadi adalah kelakuan atau sahsiah seseorang yang sebatikan dalam diri seseorang dan membentuk wataknya. Manakala keperibadian bermaksud perihal peribadi atau watak dan ciri-ciri personaliti seseorang. Dalam Islam, peribadi disebut dengan istilah akhlak.

Kisah keperibadian dan kehebatan Sayyidatina Khadijah RA agak menonjol dengan beberapa sifat terpuji yang ditunjukkan beliau. Keperibadiannya menjadikan beliau tenang berada di samping Rasulullah SAW setiap susah dan senang. Malah, sifat beliau dalam memimpin dan juga menguruskan perniagaan dengan baik sangat menarik perhatian semua pihak terutama para pedagang yang datang ke Mekah ketika itu. Ada diriwayatkan melalui

beberapa hadis bahawa Sayyidatina Khadijah RA merupakan seorang isteri yang sangat taat kepada baginda.

BERAKHLAK BAIK

Akhlak merupakan kunci kepada segala kebaikan dalam kehidupan termasuklah dalam aspek perniagaan. Maka akhlak ini sangat penting dalam membina kehidupan beragama dan bermasyarakat juga. Antara sifat-sifat yang menunjukkan ketinggian akhlak adalah sifat jujur, amanah, sabar, kuat semangat, sanggup berkorban dan sebagainya. Antara yang disebutkan Sayyidatina Khadijah RA memiliki sifat sabar yang diiringi dengan sikap jujur, amanah, ikhlas serta yakin dengan rezeki kurniaan Allah SWT akan membantu melancarkan perniagaan asbab keberkatan yang diperolehi dari akhlak-akhlak mulia tersebut.

Gelaran Al-Tahirah, “Wanita Yang Suci”

Sayyidatina Khadijah RA memiliki akhlak yang baik dan terpuji, di mana dalam kehidupan sehari-hari beliau sentiasa menjaga kesucian dan martabat dirinya serta menjauhi adat istiadat yang tidak bermoral wanita Arab Jahiliyah pada ketika itu sehinggalah beliau diberi gelaran “*al-Tahirah*”.

Sebagai seorang ahli masyarakat yang dihormati, Sayyidatina Khadijah RA digelar “*Tahirah*” atau ‘Wanita Yang Suci’ oleh masyarakat Arab Mekah kerana beliau seorang yang menjaga kehormatan dirinya serta keturunannya yang mulia dan ternama di Kota Mekah. Sayyidatina Khadijah RA hidup dalam keagungan, kemewahan dan kemegahan. Beliau dan kaumnya termasuk orang-orang yang kehormat. Beliau mewarisi perniagaan bapanya dan hartanya melimpah ruah. Kerana itulah, ramai lelaki Arab pada ketika itu berharap dan berhasrat melamar hatinya.

INFO:

Kenapa Sayyidatina Khadijah RA digelar “*Tahirah*”?

- ✧ Wanita yang menjaga akhlak walaupun hidup dalam masyarakat Arab Jahiliyah.
- ✧ Wanita yang menjaga akhlak dan tingkahlaku walaupun berurusan dengan dengan kaum lelaki dalam masyarakat Arab.

Pekerjaan yang dilakukan sebagai seorang peniaga dan pedagang memberikan ruang yang luas untuk berhubungan dengan para lelaki dan berbagai urusan perdagangan bersama mereka. Namun semua itu tidak pernah terjadi. Sayyidatina Khadijah RA sama sekali tidak pernah mengarahkan pandangannya kepada pemimpin Quraisy mana sekalipun, malah beliau adalah wanita yang menjaga tinggi kehormatannya. Beliau juga tidak pernah menjadikan perniagaannya sebagai asbab untuk berhubungan dengan lelaki ajnabi sama ada di dalam Kota Mekah mahupun urusan perdagangan di luar Kota Mekah.

Sayyidatina Khadijah RA dibesarkan di kalangan keluarga yang mulia, terdidik dan berakhlak tinggi dan digelar ‘*Tahirah*’, yang secara lebih luasnya membawa maksud amat **berakhlak dan bersopan santun**, pandai menjaga maruah diri. Oleh hal yang demikian itu, ramai yang begitu menghormati dan mengagumi keperibadian dan kepimpinannya.

Kemuliaan Akhlak Sayyidatina Khadijah RA

Wanita mulia ini merupakan anak kepada pasangan Khuwailid bin Asad dan Fatimah binti Zai'dah dari suku Bani Hashim. Sebelum menjadi isteri Rasulullah SAW, beliau pernah berkahwin sebanyak dua kali, namun kedua-dua suaminya terdahulu meninggal dunia. Di usia 40 tahun, beliau bertemu jodoh dengan Rasulullah SAW yang ketika itu berumur 25 tahun. Kejujuran dan sifat mulia yang ada pada Rasulullah SAW telah menambat hati Sayyidatina Khadijah RA untuk dijadikan suami walaupun Rasulullah SAW tidak berharta.

Rasulullah SAW memperisterikan Sayyidatina Khadijah RA bukan kerana status sosialnya yang tinggi yang terkenal sebagai seorang yang hartawan lagi dermawan tetapi adalah kerana sifat Sayyidatina Khadijah RA itu sendiri yang mempunyai peribadi dan akhlak yang mulia. Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang yang **berfikiran tajam, sabar dan berpandangan jauh**. Lebih daripada itu, Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang isteri yang **lemah lembut dan penuh kasih sayang** dan benar-benar memahami keadaan suaminya.

INFO:

Antara Sifat Mulia

Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ Sabar
- ✧ Dermawan
- ✧ Penyayang
- ✧ Lemah lembut

Satu dari banyak teladan yang boleh diambil melalui kisah Sayyidatina Khadijah RA adalah, **semangat** dan kekuatannya dalam mengembangkan lagi empayar perniagaannya. Keluarganya sudah sedia kaya dari harta peninggalan yang diwarisi dari ayahnya. Boleh sahaja beliau berhenti berusaha dengan harta kekayaan sedia ada, namun, beliau terus berusaha mengembangkan empayar perniagaannya. Setelah kematian suaminya, Sayyidatina Khadijah RA hidup sebagai ibu membesarkan anak-anaknya hasil perkahwinannya terdahulu sebelum bertemu Rasulullah SAW lebih 15 tahun kemudian. Namun begitu, walaupun hidup dengan penuh keselesaan

kerana kekayaannya, beliau mempunyai semangat dan tekad untuk terus mengembangkan lagi empayar perniagaannya ke tahap yang lebih tinggi.

Sifat sabar Sayyidatina Khadijah RA terserlah sejak kewafatan ayahnya Khuwailid bin Asad, dimana beliau perlu mengambil tanggungjawab mengetuai

perniagaan warisan ayahnya. Satu tanggungjawab yang sangat besar bagi seorang wanita di zaman itu yang memerlukan **kesabaran**. Memandangkan ayahnya adalah ketua puak dalam kaum Quraisy dan memiliki perniagaan yang berkembang maju maka Sayyidatina Khadijah RA perlu sabar dalam menempuhi cabaran mendatang.

INFO:

Sifat Yang Mendorong
Kejayaan Sayyidatina
Khadijah RA Dalam
Perniagaan:

- ✧ Minat mendalam
- ✧ Jujur dan Amanah
- ✧ Kuat semangat
- ✧ Berfikiran tajam
- ✧ Berpandangan jauh

Peristiwa Turunnya Wahyu Yang Pertama

Sebagai seorang isteri ideal yang selalu menghiburkan, prihatin dan menenangkan Nabi SAW serta menolong Baginda baik sebelum mahupun sesudah diutus menjadi Rasul. Ini terbukti melalui peristiwa baginda menerima wahyu dilantik menjadi utusan Allah, Sayyidatina Khadijah RA yang menenangkan hati baginda dan kemudian mempertemukan Baginda dengan sepupunya, Waraqah bin Naufal yang mengatakan bahawa Baginda adalah seorang Nabi.

Gua Hira menjadi lokasi di mana Rasulullah SAW menerima wahyu pertama sebagaimana dirakamkan dalam sebuah hadis yang panjang (Muslim 2006). Dalam hadistersebut Baginda telah didatangi malaikat Jibril AS yang mengajar Baginda membacalima ayat pertama dalam Surah al-'Alaq yang bermaksud:

“Bacalah dengan menyebut nama Tuhan yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang paling pemurah. Yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahu.”
(Surah al-‘Alaq:1-5)

Nabi Muhammad SAW yang *ummi*, tidak dapat membaca dan menulis, dipaksa hingga tiga kali oleh Malaikat Jibril untuk membaca ayat tersebut. Hingga beliau berkata,

“Saya bukanlah seorang yang pandai membaca”

Setelah itu Nabi SAW pun segera pulang ke rumah dengan hati yang takut dan badan gementar menemui kekasih hatinya Sayyidatina Khadijah RA. Sesampainya di rumah, berkatalah beliau *‘selimuti aku’* berulang-ulang kali kata-kata itu diucapkannya, sehingga beliau diselimuti oleh isterinya. Baginda diam beberapa saat, dan sementara itu rasa takutnya hilang. Diceritakannya kepada Sayyidatina Khadijah RA peristiwa yang telah terjadi ke atas dirinya di Gua Hira’. Isteri pengasih ini menenangkan hati Nabi SAW dengan mengatakan:

*“Tidak usah Engkau kawatir, sekali-kali tidak usah Kau kawatir.
Demi Tuhan, Dia tidak akan menghinakanmu selama-lamanya
sebab engkau adalah orang yang selalu memelihara silaturrahim,
membantu orang yang tidak punya apa-apa (orang susah),
menghormati dan menjamu tetamu
dan menolong orang yang menderita dalam membela kebenaran.”*

Kemudian Allah mengilhamkan Sayyidatina Khadijah RA agar membawa Baginda menemui sepupunya, Waraqah bin Naufal. Seorang yang beragama Nasrani dan pernah menyalin Kitab Injil ke dalam Bahasa Ibrani. Indahnya akhlak Sayyidatina Khadijah RA, beliau tidak menceritakan sendiri apa yang berlaku pada Rasulullah SAW tapi meminta Waraqah mendengar sendiri dari mulut Nabi. Akhirnya Waraqah mengatakan,

*“Apa yang memeranjatkan Baginda
tidak lain dari wahyu dari Allah yang disampaikan
oleh Jibril sebagaimana pernah diturunkan Allah
ke atas Nabi Musa dan para Anbiya’ lain yang terdahulu.”*

*Dan katanya lagi, “Kamu akan dimusuhi dan diusir,
dan kalau ketika itu aku masih hidup, pasti aku akan menolongmu,”
(Riwayat Muslim)*

Kata-kata Waraqah ini adalah untuk mengurangi kesangsian dan perasaan yang menakutkan Baginda, yang menyelubungi jiwanya. Sayyidatina Khadijah RA sebagai isteri yang solehah dan yakin akan kebenaran perkara yang didakwahkan suaminya, sanggup berkorban sepenuh masa, harta dan jiwanya dalam dakwah Nabi. Hal ini akan membantu mengatasi segala ujian dan kesulitan yang dihadapi Rasulullah SAW. Juga menguatkan lagi dan meneguhkan hati Nabi SAW dalam meneruskan cita-cita dan gerak kerja dakwah di awal kebangkitan Islam.

Hartawan Yang Dermawan

Selain terkenal dengan kecantikannya, Sayyidatina Khadijah RA juga sangat dikenali dengan sifatnya yang dermawan. Walaupun memiliki perniagaan yang besar dan harta yang banyak, namun beliau tidak pernah sombong, malahan sentiasa membantu golongan fakir dan miskin. Beliau juga banyak membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar Mekah. Selain itu, beliau merupakan antara penyumbang utama kepada perkembangan dan penyebaran Islam pada zaman Rasulullah SAW. Sebagaimana ada dijelaskan di dalam satu hadis (al-Bukhari 2002) tentang akhlak yang baik dan sifat kedermawan:

*“Sesungguhnya Allah Maha Pemurah
menyukai kedermawan dan akhlak yang mulia
serta membenci akhlak yang rendah (hina)”
(Riwayat al-Bukhari)*

Sayyidatina Khadijah RA dikatakan sanggup menginfakkan segala harta dan kekayaan beliau untuk membantu dalam penyebaran agama Islam sehinggakan kesemua hartanya habis digunakan. Walaupun asalnya Sayyidatina Khadijah RA adalah keturunan kaya raya begitu juga dengan dua orang suaminya sebelum ini yang memiliki perniagaan yang berjaya dan kaya. Namun Sayyidatina Khadijah RA tidak pernah sombong dengan kedudukan dan kekayaan yang dimilikinya.

KEIMANAN

Keimanan dapat dilihat dengan lebih jelas melalui konsep **doa, rezeki dan keberkatan** yang diperolehi dalam menjalankan perniagaan. Doa adalah merujuk kepada kebergantungan penuh seseorang usahawan terhadap Allah SWT dan merangkumi pemahaman yang mendalam mengenai konsep rezeki. Oleh itu, usaha-usaha ke arah mendapatkan keberkatan rezeki perlu seiring bagi mempermudah keberkatan dalam perniagaan. Keberkatan amat penting dalam menjemput rezeki yang lebih luas dalam perniagaan.

Kecintaan Sayyidatina Khadijah RA bukanlah sekadar kecintaan kepada suaminya, sebaliknya yang jelas adalah berlandaskan keyakinan yang teguh terhadap keesaan Allah SWT. Segala pengorbanan untuk suaminya adalah ikhlas dan mencari keredaan Allah SWT semata-mata. Allah Maha Adil dalam melimpahkan rahmat-Nya. Setiap amalan yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan pasti memperoleh ganjaran yang kekal di sisi Allah SWT. Ini termaktub dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“Barangsiapa yang mengerjakan amal salih,
baik lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman,
maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya
kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami berikan balasan kepada
mereka dengan pahala yang baik
daripada apa yang telah mereka kerjakan.”
(Surah al-Nahl: 97)*

Wanita Pertama Beriman Kepada Allah Dan Rasul-Nya

Pada zaman Rasulullah SAW bukan sahaja kaum lelaki yang mempunyai keimanan yang kuat sentiasa bersedia untuk melaksanakan perintah Allah pada setiap masa begitu juga kaum wanitanya sentiasa berdiri di belakang para sahabat untuk menegakkan Islam pada masa itu. Sehingga mereka berjaya melahirkan generasi yang soleh dan kuat berjihad pada jalan Allah.

Ini dapat dilihat pada Sayyidatina Khadijah RA sewaktu wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW adalah merupakan saat yang mencemaskan sebagaimana diterangkan sebelum ini. Beliau adalah wanita pertama yang menyatakan keimanannya kepada Allah dan Rasul-Nya. Beliau banyak membantu dalam meneguhkan tekad Rasulullah SAW ketika menyampaikan risalah dakwah. Beliau sentiasa berusaha meringankan kepedihan hati dan menghilangkan keletihan serta penderitaan yang dialami oleh suaminya, dalam menjalankan tugas dakwah menegakkan kalimah tauhid. Inilah keistimewaan dan keutamaan Sayyidatina Khadijah RA dalam sejarah perjuangan Islam. Beliau adalah sumber kekuatan yang sentiasa berada di belakang Rasulullah SAW.

Isteri Tonggak Perjuangan Dakwah Suami

Sayyidatina Khadijah RA adalah merupakan wanita yang paling banyak memberi sumbangan baktinya kepada perjuangan dakwah Rasulullah SAW. Keunggulan dan kegigihan Baginda yang menyebabkan Rasulullah SAW berjaya dalam mengembangkan dakwah Islamiah. Sayyidatina Khadijah RA sentiasa mengikuti ke mana sahaja Rasulullah SAW pergi untuk beribadah dan berdakwah. Beliau telah bersama-sama berdakwah dan bersama-sama berhadapan dengan pelbagai cubaan dan penderitaan.

Ketabahan hati Sayyidatina Khadijah RA menjadi perangsang perjuangan Rasulullah SAW. Beliau adalah satu-satunya isteri Rasulullah SAW yang telah menjadi lambang kemegahan dalam sejarah perjuangan Islam. Beliau sanggup menukar hidup yang penuh dengan kemewahan dan kenikmatan yang melimpah pada dirinya kepada hidup yang penuh

perjuangan. Bagi Rasulullah SAW, Sayyidatina Khadijah RA adalah penasihat yang paling hampir kepadanya, tempat Baginda meluahkan segala masalah dan teman penghibur dalam meneruskan cita-cita menegakkan agama Allah SWT. Wajarliah ia mendapat kurniaan Allah SWT seperti yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya (al-Bukhari 2002),

“Aku diperintahkan supaya menyampaikan khabar gembira kepada Khadijah bahawa akan dibangun untuknya di syurga sebuah rumah dari permata; tidak ada hiruk pikuk dan rasa lelah di sana.”
(Riwayat Bukhari)

Begitu juga semasa perjuangan bersama-sama Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam. Sayyidatina Khadijah RA pernah menerima salam daripada Allah SWT yang disampaikan oleh Jibril kepada Nabi Muhammad SAW, Rasulullah SAW bersabda (al-Nasa’i 2001):

“Wahai Khadijah sesungguhnya Jibril menyampaikan salam kepadamu daripada Allah rabbul Al-Alamin”

Sayyidatina Khadijah RA menjawab salam dengan katanya,

“Allah Maha Penyelamat, daripadanya keselamatan dan kepadanya keselamatan. Semoga keselamatan atas Jibril AS.”
(Riwayat al-Nasai’)

Oleh kerana pengorbanan yang begitu besar terhadap Islam maka Rasulullah SAW amat menyayangi Sayyidatina Khadijah RA dan selalu memujinya walaupun Sayyidatina Khadijah RA telah meninggal dunia. Diriwayatkan daripada Sayyidina Ali bahawa dia pernah mendengar Rasulullah SAW berkata (Muhammad Fu’ad Abdul Baqi 2004):

“Wanita yang paling baik pada zamannya ialah Mariam anak Imran dan wanita yang paling baik pada zaman ini pula ialah Khadijah anak Khuwailid.”
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang srikandi yang berdiri teguh menyokong suaminya, Rasulullah SAW. Kepayahan dan kesanggupan Sayyidatina Khadijah RA dalam bersama-sama berjuang menegakkan dan menyebarkan agama Islam serta menghadapi cabaran merupakan satu jihad yang terpuji.

Tugas dan peranan khalifah Allah di muka bumi membentuk pelbagai tanggungjawab bagi manusia sama ada lelaki mahupun wanita. Ia bersesuaian dengan fizikal mereka yang dicipta Allah SWT pada aspek tertentu. Perbezaan yang jelas adalah daripada sudut fizikal dan emosi. Inilah yang menjadikan lelaki dan wanita saling memerlukan antara satu sama lain sebagaimana yang diamalkan di antara Rasulullah SAW dengan Sayyidatina Khadijah RA. Kelebihan yang dimiliki oleh kaum lelaki dapat dijadikan sandaran bagi wanita bergantung harapan, manakala kaum lelaki berharap pada sokongan dan kekuatan kaum wanita dalam soal tertentu bagi memenuhi keperluan serta kekurangan diri mereka dan Sayyidatina Khadijah RA pelengkap kepada kesempurnaan Nabi Muhammad SAW dalam perjalanan dakwahnya.

Begitulah istimewanya Sayyidatina Khadijah RA isteri Rasulullah, yang sentiasa bertakhta di hati Baginda sebagaimana sabdanya (Ahmad 2002):

*“Demi Allah, Dia tidak pernah menggantikannya
dengan wanita yang lebih baik darinya. Dia telah beriman
di ketika semua manusia kufur. Dia membenarkan aku ketika manusia
mendustakan Aku. Dia menolongku dengan apa yang dimilikinya pada saat
manusia menahan (pertolongan) untukku. Allah jua telah menganugerahi
aku anak daripadanya, tidak dari isteri yang lain.”*

(Riwayat Ahmad)

IBADAH

Ibadah ialah pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah, mengikut peraturan, melakukan suruhannya dan meninggalkan larangannya, sebagaimana yang

ditetapkan. Perniagaan bukan sahaja menjadi sumber rezeki malah merupakan antara cabang ibadah yang dapat mendekatkan diri seorang hamba-Nya dengan Pencipta. Inilah konsep *ubudiyah* yang sememangnya menjadi teras segala perlakuan dan aktiviti harian umat Islam di mana perbuatan ibadah tidak hanya terhad kepada ibadah khusus sahaja malah meliputi segala aktiviti harian yang dikira sebagai ibadah umum.

Di dalam Al-Quran ada dijelaskan bahawa tujuan utama manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk beribadah kepada Allah sebagaimana firmanNya:

*“Dan (ingatlah) aku tidak menciptakan jin dan manusia
kecuali untuk mereka beribadah kepadaku.”*
(Surah Az-Zariyat ayat 56)

Solat Pertama bersama Rasulullah SAW

Menurut Ibn Hisham (1990) Sayyidatina Khadijah RA adalah orang pertama yang wudhu dan orang pertama solat dua rakaat bersama Rasulullah di bawah panduan Rasulullah. Beberapa saat setelah turunnya wahyu pertama di Gua Hira, Rasulullah SAW pergi ke sebuah gunung di Mekah. Tiba di sana, Malaikat Jibril turun menemui Rasulullah. Saat itu, Jibril hendakmengajarkan Rasulullah mengenai ibadah solat iaitu dimulakan dengan wudhu kemudian solat. Jibril memberi contoh tentang tata cara wudhu yang langsung diikuti Rasulullah SAW. Baginda pada awalnya memerhatikan Jibril mengambil wuduk dan Nabi SAW mengikuti cara yang telah ditunjukkan oleh Jibril. Seterusnya Jibril mengerjakan solat dan diikuti oleh Nabi SAW sehingga selesai. Setelah Rasulullah SAW pulang ke rumah, baginda mengajar

INFO:

✧ Ibadah pertama Sayyidatina Khadijah RA ialah solat dua rakaat yang diajarkan Jibril kepada Nabi Muhammad SAW sebelum syariat solat lima waktu difardhu dalam peristiwa Isra' Mikraj

Sayyidatina Khadijah RA perkara-perkara yang diajarkan oleh Jibril kepada Rasulullah SAW. Perintah untuk melaksanakan solat turun ketika peristiwa *Isra' Mikraj*. Tetapi, sebelum peristiwa besar itu, Rasulullah SAW dan para sahabat sudah melaksanakan ibadah solat.

Sayyidatina Khadijah RA, isteri Nabi Muhammad SAW tidak sempat menjalankan ibadah lain seperti puasa, zakat dan solat fardhu lima waktu memandangkan beliau wafat sebelum semua suruhan itu disyariatkan. Walaupun begitu beliau tetap dijamin masuk syurga kerana keimanannya. Beliau adalah orang pertama yang mengakui kenabian Nabi Muhammad SAW.

Sedekah Penenang Jiwa

Apabila Islam diturunkan dan Rasulullah SAW mula menyebarkan Islam, isterinya yang tersayang, Sayyidatina Khadijah RA adalah orang yang pertama dan utama membelanjakan hartanya untuk Rasulullah SAW ketika tidak mendapat sokongan dari orang lain. Begitulah hebatnya wanita bernama Sayyidatina Khadijah RA ini. Harta dan kekayaan diberikan semua kepada orang lain dan untuk Islam.

Jika diaplikasikan dalam perniagaan, segala bentuk pemberian sedekah akan memudahkan lagi rezeki perniagaan kita. Amalan sedekah yang dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah RA adalah amalan yang secara konsisten dilakukan dalam kehidupan sehingga ke akhir hayatnya. Walaupun pada ketika itu tuntutan zakat belum lagi disyariatkan, namun Sayyidatina Khadijah RA telah menginfakkan segala harta bendanya ke jalan yang diredhai Allah SWT melalui amalan sedekah yang dilakukan.

INFO:

✧ Tips Perniagaan
Berjaya Sayyidatina
Khadijah RA:

“Sedekah dengan ikhlas
menjadi penenang jiwa
“

Rumah Sayyidatina Khadijah RA adalah sangat besar di Kota Mekah hasil dari kekayaan perniagaannya. Tertera hiasan yang sungguh cantik diperbuat dari sutera hijau di keliling bangunan rumahnya. Namun hiasan itu bukanlah untuk menunjuk kekayaannya kepada orang ramai. Tetapi sebenarnya untuk menunjukkan arah di mana tempatnya untuk mereka yang susah dan memerlukan bantuan datang bertandang. Dekorasi sutera hijau adalah umpama papan tanda untuk sesiapa sahaja datang dan mendapat bantuan. Sama ada fakir miskin, anak yatim piatu, ibu tunggal, atau sesiapa sahaja akan diberi bantuan.

Perniagaan Adalah Satu Ibadah

Perniagaan adalah suatu kegiatan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Rasulullah SAW pernah bersabda (Ahmad 2002);

*“Mata pencarian yang afdhal adalah berniaga
dengan penuh kebajikan dan hasil usaha tangannya”
(Riwayat Ahmad)*

Perniagaan dinilai sebagai ibadah apabila berniaga dengan disertai niat yang betul kerana Allah SWT dan mengaplikasi konsep fardhu ain dan fardhu kifayah dalam perniagaan. Bagi Sayyidatina Khadijah RA beliau telah melakukan tuntutan fardhu ain dengan mendapatkan sumber rezeki yang halal dan memenuhi keperluan manakala dari segi fardhu kifayah, beliau telah memberi khidmat bantuan kepada masyarakat dan dianggap sebagai *fi sabilillah* di jalan Allah SWT. Kekayaan di dunia bukanlah matlamat akhir Sayyidatina Khadijah RA. Destinasi akhir perjalanan ialah kehidupan yang jauh lebih baik di akhirat. Oleh itu, perniagaan perlu dilihat sebagai satu ibadah yang mengimbangi keperluan hidup di dunia dan persediaan untuk kehidupan di akhirat.

MINAT YANG MENDALAM

Minat yang mendalam merupakan antara faktor pencetus yang mendorong para usahawan berkecimpung dalam perniagaan. Dengan adanya minat terhadap perniagaan ianya akan mendorong usahawan untuk meneroka lebih jauh dalam dunia perniagaan. Minat mampu membolehkan seseorang usahawan berusaha keras untuk mencapai sesuatu yang diminati apatah minat diselarikan dengan perkara-perkara kebaikan yang mendorong keberkatan dalam perniagaan.

Sepertimana dalam Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (atau ambil) harta orang lain secara batil (tidak sah) melainkan melalui perniagaan (tijarah) (yang dilakukan secara redha-meredhai antara kamu”.
(Surah al-Nisa’:29)

Ayat quran ini jelas menunjukkan galakan untuk berkecimpung dalam perniagaan kepada orang-orang yang beriman. Malah, perniagaan yang dilakukan secara jujur dan amanah akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak penjual dan pembeli.

Minat Yang Tidak Pernah Padam

Jika dilihat cara hidup bangsa Arab Jahiliyyah pada ketika itu, sudah menjadi tradisi kebanyakan orang-orang kaya dalam kaum Quraisy mereka menjalankan pekerjaan sebagai peniaga dan pedagang. Antara barang dagangan yang sering disebut dalam kalangan masyarakat Arab ialah perniagaan kain. Ternyata minat terhadap perniagaan juga ada dalam diri Sayyidatina Khadijah RA walaupun kedudukan dan martabat kaum wanita pada masa itu sentiasa direndahkan. Minat Sayyidatina Khadijah RA terhadap perniagaan tidak pernah padam memandangkan ayahnya, Khuwailid ibn Asad merupakan ketua puak dalam suku Bani Hashim yang sememangnya terkenal dengan kekayaan hasil dari perniagaan yang dijalankan. Begitu juga

dengan bekas kedua-dua suaminya yang mana kedua-duanya merupakan ahli perniagaan dalam masyarakat Arab.

Minat yang mendalam dalam sesuatu bidang perniagaan yang diceburi dapat menerbitkan pelbagai faktor dan ramuan kejayaan dalam perniagaan seperti kegigihan, usaha yang lebih dan berani mengambil risiko. Satu contoh minat dan dedikasinya yang mendalam terhadap perdagangan boleh dilihat melalui cara beliau secara peribadi terlibat dalam setiap aspek perniagaannya, dari mencari sumber-sumber barangan jualan hingga pelaksanaan urusan niaga. Pengabdian dan kecintaannya terhadap kerjanya memainkan peranan penting dalam kejayaannya sebagai seorang usahawan wanita yang aktif dalam perniagaan menyebabkan beliau menikmati kejayaan kewangan luar biasa pada masa tersebut.

Minat Sayyidatina Khadijah RA terhadap perniagaan tidak hanya terbatas kepada keuntungan peribadi, tetapi juga meluas kepada seluruh masyarakat Arab setempat. Menurut Ibnu Athir (1987) dan Ibnu Hisham (1990), Sayyidatina Khadijah RA diperakui sebagai seorang saudagar yang sangat masyhur. Sayyidatina Khadijah RA sememangnya meminati dunia perniagaan bukan sahaja untuk keuntungan peribadi tetapi beliau gemar melakukan perkara-perkara kebajikan seperti bersedekah dengan memberi makan orang-orang miskin, membantu peniaga yang tidak berkemampuan dengan memberikan modal perniagaan, membantu anak-anak yatim dan banyak lagi kebaikan yang dilakukan Sayyidatina Khadijah RA. Dengan minat dan keyakinan yang dimiliki oleh Sayyidatina Khadijah RA telah meningkatkan ketinggian akhlak yang dimiliki beliau dalam menjalankan kegiatan perniagaan bagi memastikan mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

KREATIF DAN INOVATIF

Kreatif dan inovatif menjadi antara faktor yang dianggap penting dalam menjana idea dan seterusnya mengimplementasikan idea tersebut bagi mencapai matlamat perniagaan. Kreatif dan inovatif adalah **cetusan idea** dari

usahawan mahupun orang-orang dalam persekitaran sekeliling bagi membangunkan sesuatu perniagaan baru.

Ini termasuklah kebolehan **mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baharu dan asli** sehinggalah menghasilkan sesuatu yang unik untuk memenuhi keperluan.

Usahawan yang Berfikiran Kreatif

Kemahiran berfikir secara kreatif adalah salah satu kemahiran yang harus dikuasai oleh seseorang usahawan. Segala cabaran menggunakan satu-satu strategi perniagaan harus dikenal pasti dan diberi perhatian. Sebagai contohnya, Sayyidatina Khadijah RA telah memilih Nabi Muhammad SAW untuk membantu dalam perniagaannya. Beliau memikirkan bahawa dengan menggunakan kelebihan yang ada pada Nabi Muhammad SAW iaitu seorang yang jujur, amanah dan baik tutur katanya boleh membantu mengembangkan perniagaannya. Rasulullah SAW mempunyai pengalaman berniaga bersama bapa saudaranya, Abu Talib. Pengalaman perniagaan Rasulullah SAW bersama Abu Talib ke Syria semasa baginda berumur 12 tahun lagi. Namun, Rasulullah SAW pintar mengambil kesempatan dan cerdas dalam memanfaatkan peluang dalam perniagaan. Ciri-ciri seperti inilah yang dikehendaki oleh Sayyidatina Khadijah RA dalam perniagaan.

Pemikiran Sayyidatina Khadijah RA yang kreatif juga dapat dilihat apabila beliau mengarahkan pembantunya Maisarah bin Maruq (pembantu lelaki yang jujur), untuk menemani Nabi Muhammad SAW ke negeri Syam. Beliau telah menyuruh Maisarah menemani Nabi Muhammad SAW ke negeri Syam untuk meniadakan barang dagangan Sayyidatina Khadijah RA. Dengan alasan sebagai pembantu Nabi Muhammad SAW, Maisarah menjadi mata-mata yang memerhatikan gerak geri Nabi Muhammad SAW sepanjang perjalanan. Semua yang dilihatnya akan disampaikan nanti kepada Sayyidatina Khadijah RA. Maka, jelaslah disini menunjukkan kepintaran beliau menggunakan pembantunya yang dipercayai untuk menyiasat dan melihat sendiri

keperibadian dan kemuliaan akhlak Rasulullah SAW seperti yang didengari dalam masyarakatnya.

Ketika rombongan Nabi Muhammad SAW membawa barang dagangannya ke Syam, Sayyidatina Khadijah RA meminta Nabi Muhammad SAW membeli barang-barang yang bermutu tinggi untuk dipasarkan dalam pasaran Mekah seperti sutera.

Sutera yang terdapat di Syam mempunyai kualiti yang tinggi dan disukai oleh golongan kaya di Mekah. Kebolehan pemikiran yang kreatif yang ada pada Sayyidatina Khadijah RA menyelesaikan sesuatu masalah, menjana idea dan mencipta sesuatu yang baharu dan memberi keuntungan. Ternyata idea beliau memilih produk berkualiti untuk didagangkan adalah satu pemikiran kreatif dan menguntungkan pada masa itu.

BAB 5

SISTEM SOKONGAN

Objektif bab ini:

- 1. Mengenalpasti elemen sistem sokongan berdasarkan Sayyidatina Khadijah RA**
- 2. Menerangkan elemen sokongan keluarga, pengurusan masa, kewangan, cabaran dan pengorbanan yang perlu pada usahawan wanita.**
- 3. mempraktikkan kisah perjalanan kehidupan Sayyidatina Khadijah RA dalam konteks sistem sokongan.**

PENGENALAN

Secara definisinya, sistem sokongan adalah kalangan individu yang betul-betul memahami kita dan sayang akan kita. Mereka akan berada di belakang kita, **menyokong** dalam setiap keputusan yang kita buat di dalam hidup ini. Salah satu faktor yang paling penting dalam **kesihatan mental dan emosi usahawan** adalah mempunyai sistem sokongan yang memahami kita dan boleh membantu ketika berhadapan dengan masalah.

Sayyidatina Khadijah RA mempunyai sistem sokongan yang kuat, bermula daripada suaminya Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat-sahabat dan orang kepercayaan beliau yang sentiasa ada membantu dikala menghadapi setiap ujian dan cabaran dalam hidupnya.

SOKONGAN KELUARGA

Sokongan keluarga adalah elemen utama yang membantu menguatkan semangat dan membantu usahawan mengawal emosi agar dapat menguruskan perniagaan dengan lebih cekap. Faktor ini amat penting bagi wanita yang berkecimpung di dalam bidang perniagaan, di mana kesibukan dalam menguruskan hal-hal perniagaan sangat memerlukan sokongan moral daripada keluarga.

Sayyidatina Khadijah RA menyokong Rasulullah SAW ketika berniaga dan begitu juga sokongan Rasulullah SAW diberikan kepada isterinya, Sayyidatina Khadijah RA ketika menjalankan perniagaan dan juga susah senang apabila ditentang hebat dalam dakwah Islam. Selain sokongan keluarga, sokongan pasangan sangat- sangat diperlukan ketika bermulanya perniagaan oleh kerana itulah waktu yang paling cenderung menghadapi kegagalan dan kesusahan. Mendapat sokongan daripada pasangan dalam dunia perniagaan adalah satu-satunya kunci murah rezeki dalam perniagaan.

Sumber Ketenangan Nabi Muhammad SAW

Peranan Sayyidatina Khadijah RA dalam membantu suaminya besar sekali, baik dalam aspek pembentukan watak dan keperibadian yang mantap mahupun dalam cara berfikir. Umpamanya, pada saat Nabi Muhammad SAW menerima wahyu yang pertama, keadaan itu benar-benar membuat baginda bingung dan gugup. Kejadian itu belum pernah dialami baginda namun Sayyidatina Khadijah RA berhasil menenangkan Baginda. Sayyidatina Khadijah RA yang menyaksikan keadaan suaminya, berusaha menghibur dan menggembirakan hati baginda. Dengan sabar dan penuh kasih sayang beliau menenangkan junjungannya itu dari perasaan takut yang belum difahami. Kisah tersebut telah dibincangkan secara terperinci dalam bab yang terdahulu.

Pendamping Utama Rasulullah SAW

Kesetiaan Sayyidatina Khadijah RA kepada Nabi Muhammad SAW sangat luar biasa dan menjadi contoh tauladan. Kesetiaan beliau kepada Nabi Muhammad SAW tidak berkurang seiring berjalannya waktu. Bahkan, setelah kematian Sayyidatina Khadijah RA, Nabi Muhammad SAW masih menyebut Sayyidatina Khadijah SAW dengan penuh cinta dan rindu. Beliau mengingat Sayyidatina Khadijah RA sebagai pendamping yang setia, dukungan yang tak tergantikan, dan seorang wanita yang sangat berharga. Nabi Muhammad SAW juga adalah pendamping setia Sayyidatina Khadijah RA, di mana baginda tidak berkahwin lain semasa hidup bersama Sayyidatina Khadijah RA. Walhal Rasulullah masih muda belia dan menjadi tarikan wanita Arab pada ketika itu.

Kisah kesetiaan Sayyidatina Khadijah RA kepada Nabi Muhammad SAW adalah contoh yang inspiratif dalam hubungan pernikahan dan ikatan emosi yang kuat. Sayyidatina Khadijah RA menjadi teladan bagi semua orang tentang bagaimana menjadi pendamping yang setia dan saling membantu dalam perjalanan hidup. Beliau adalah srikandi solehah yang mampu meringankan penderitaan Nabi SAW, disebabkan tindakan kasar orang-orang kafir Quraisy pada ketika itu.

Diriwayatkan dari Ibnu Abbas RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda (Muslim 2006):

*“Malaikat Jibril datang kepadaku dan berkata,
‘Wahai Muhammad, inilah Sayyidatina Khadijah datang membawakan
semangat kesetiaan dari Allah untukmu.’
(Riwayat Muslim).*

Hadis ini menunjukkan tingkat kesetiaan yang tinggi dari Sayyidatina Khadijah RA terhadap Nabi Muhammad SAW. Sayyidatina Khadijah RA adalah sumber kekuatan beliau di saat-saat sulit, serta menjadi pendamping setia dalam menyebarkan agama Islam.

Keluarga Bahagia

Direkodkan bahawa lebih kurang 10 tahun mengahwini Rasulullah SAW sebelum menerima wahyu di Gua Hira', Sayyidatina Khadijah RA dan Rasulullah SAW menjalankan hidup berkeluarga yang sangat bahagia bersama anak-anak sambil perniagaan diteruskan. Tidak banyak yang dikisahkan waktu ini dan menurut ahli sejarah, inilah waktunya beliau dan Rasulullah SAW memberi tumpuan kepada keluarga menjadi ibu dan ayah yang terhebat sambil mengimbangkan kasih sayang keluarga dan berniaga.

Keperibadian Rasulullah SAW dan isteri Sayyidatina Khadijah RA yang sangat dikagumi waktu itu, membina institusi keluarga dan perniagaan yang hebat. Ada pendapat mengatakan ada ketika Rasulullah SAW telah menerajui perniagaan Sayyidatina Khadijah RA ketika itu, dan ada juga pendapat mengatakan tugas mengetuai perniagaan telah diberikan kepada orang lain iaitu secara delegasi. Namun pendapat bersepakat mengatakan kehidupan mereka adalah sangat bahagia.

Seorang Ibu Mithali

Kemahiran keibubapaan Sayyidatina Khadijah RA terlihat dari dedikasinya sebagai ibu yang mendukung dan mendorong anak-anaknya dalam menghadapi tentangan kehidupan dan mengembangkan potensi mereka. Pengaruh dan peranannya sebagai ibu dalam membentuk karakter dan keperibadian anak-anaknya sangat dihormati dan dihargai dalam tradisi Islam.

Sifat isteri solehah dan keibuan boleh dicontohi dan dijadikan iktibar daripada perjalanan hidup Sayyidatina Khadijah RA. Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang '*al-wadud al-walud*' iaitu wanita penyayang dan subur. Hasil pernikahan beliau dengan Rasulullah SAW, telah dikuriakan enam zuriat iaitu dua lelaki dan empat perempuan. Mereka adalah al-Qasim, Abdullah, Zainab, Ruqayyah, Ummu Kalthum dan Fatimah.

Sayyidatina Khadijah RA terbukti memiliki ketokohan sebagai ibu mithali. Ketokohan Sayyidatina Fatimah RA, anaknya merupakan antara bukti utama kejayaan terbesar beliau dalam mendidik anak-anak Rasulullah SAW. Pengorbanan anaknya, Sayyidatina Fatimah RA dalam dakwah Rasulullah SAW tidak ternilai, sehingga diangkat sebagai penghulu para wanita ahli syurga. Bahkan Sayyidatina Fatimah RA adalah anak yang paling menyerupai sifat-sifat yang ada pada ayahnya, Nabi Muhammad SAW dalam perjuangan Islam.

Sepertimana riwayat Sayyidatina Aisyah RA, Sayyidatina Fatimah RA telah memberitahunya bahawa Rasulullah SAW bersabda (al-Bukhari 2002)

*“Tidakkah engkau rela (wahai Fatimah) menjadi pemimpin
para wanita ahli syurga atau para wanita mukminin”.
(Riwayat al-Bukhari)*

Umum mengetahui **Sayyidatina Fatimah Az-Zahra** memiliki budi pekerti mulia sejak kecil lagi kerana diasuh dan dididik dengan akhlak mulia oleh ibu bapanya Rasulullah SAW dan Sayyidatina Khadijah RA. Sayyidatina Fatimah RA merupakan seorang yang sabar dan tabah menghadapi ujian hidup. Keadaan ini dapat dilihat semasa keperitan hidup yang dilalui.

Sayyidatina Khadijah RA memberikan perhatian berat kepada pendidikan anak-anak perempuannya. Beliau mendidik sendiri anak-anaknya bersama Rasulullah SAW. Zainab anak yang sulung dilatih sejak awal bukan dalam keadaan manja, tetapi lebih cepat matang. Zainab menjadi ibu kecil bagi adik-adiknya dimana dia ditugaskan mengawasi adiknya Sayyidatina Fatimah RA. Pendidikan melalui tauladan menjadi teras bagi Sayyidatina Khadijah RA dalam mendidik zuriatnya. Hasil didikannya yang hebat membuktikan anak-anaknya sepertimana Ruqayyah dan Fatimah mampu bersabar dan mampu menghadapi kesulitan dalam hidup. Malah Sayyidatina Fatimah RA juga antara tokoh wanita hebat dalam perjuangan Islam.

Kedua-dua anak lelaki Nabi Muhammad SAW dan Sayyidatina Khadijah RA iaitu Al Qasim dan Abdullah telah menemui Illahi pada usia yang masih kecil. Atas kesedihan Rasulullah SAW kerana kehilangan anak lelaki, Sayyidatina Khadijah RA telah menghadiahkan **Zaid bin Harithah** kepada suaminya. Zaid bin Harithah merupakan hamba kanak-kanak berusia 8 tahun yang tinggal di rumah Hakim bin Hizam iaitu anak saudara Sayyidatina Khadijah RA. Zaid bin Harithah kemudiannya dibebaskan. Sayyidatina Khadijah RA dapat merasakan wujud kasih sayang di antara anak dengan ayah apabila melihat kebahagiaan suaminya dengan Zaid. Nabi Muhammad SAW mengasihi Zaid, anak angkatnya itu sehingga Baginda menasabkan Zaid kepada namanya dan dipanggil Zaid bin Muhammad oleh seluruh masyarakat Mekah.

INFO:

✧ Anak-anak Nabi Muhammad SAW dan Sayyidatina Khadijah RA meninggal pada usia muda. Hanya Fatimah RA meninggal setelah Nabi Muhammad SAW wafat, iaitu pada usia 29 tahun.

Orang-orang Kepercayaan

Maisarah merupakan seorang lelaki keturunan Habsyi yang menjadi pembantu Sayyidatina Khadijah RA. **Maisarah ibn Maruq** ditugaskan untuk menemani Nabi Muhammad SAW untuk membawa barang dagangan Sayyidatina Khadijah RA ke Syam. Selama berada di Syam, Maisarah menceritakan secara jelas kepada Sayyidatina Khadijah RA semua hal yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW. Mulai dari cara Muhammad berdagang dengan jujur, tidak menipu, komunikasi dan tutur kata yang baik serta peristiwa-peristiwa pelik yang berlaku sepanjang perjalanan. Maisarah kagum dengan Nabi Muhammad SAW kerana berhasil meniagakan barang dagangannya dengan mendapatkan keuntungan yang melimpah ruah lebih daripada kebiasaanya. Sejak itulah, Sayyidatina Khadijah mula tertarik dengan Rasulullah SAW. Selain itu, Maisarah juga merupakan orang

kepercayaan Sayyidatina Khadijah RA kerana beliau seorang yang jujur dalam membantu urusan perniagaan Sayyidatina Khadijah RA.

Selain itu, **Waraqah bin Naufal** merupakan sepupu Sayyidatina Khadijah RA yang beragama Nasrani dan berpegang dengan kitab Injil yang asli. Beliau merupakan seorang yang sudah tua dan buta. Beliau ada menulis buku-buku serta kitab Injil dalam bahasa Ibrani. Waraqah bin Naufal telah mengetahui dan percaya akan kedatangan Nabi akhir zaman dan sentiasa menunggu kedatangannya. Beliau banyak mengajar Sayyidatina Khadijah RA tentang Allah, syurga dan agama. Sayyidatina Khadijah RA banyak merujuk Waraqah bin Naufal dalam banyak perkara yang melibatkan Nabi Muhammad SAW antaranya ketika Rasulullah SAW menerima wahyu yang pertama. Waraqah adalah orang pertama yang mengakui kenabian Nabi Muhammad. Kemuliaan Waraqah bin Naufal ini diceritakan dalam sabda Nabi Muhammad SAW (al-Hakim 2002):

“Jangan kalian cela Waraqah bin Naufal. Sesungguhnya aku melihat (dia) memiliki satu atau dua taman (di syurga).”
(Riwayat al-Hakim)

Insan terpenting dalam pertemuan Sayyidatina Khadijah RA dan Nabi Muhammad SAW ialah sahabat baiknya iaitu **Nafisah binti Munnabbih**. Ketika beliau gelisah kerana masalah yang menyelubungi fikirannya, Nafisah duduk dan berdialog sehingga kecerdikan Nafisah mampu membongkarkan rahsia yang disembunyikan oleh Sayyidatina Khadijah RA tentang masalah yang dihadapi dalam kehidupannya. Nafisah menenangkan perasaannya dengan mengatakan bahawa Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang wanita sempurna yang memiliki martabat, keturunan terhormat, memiliki harta dan berparas rupa cantik. Terbukti dengan banyaknya para pemuka Quraisy yang pada ketika cuba mendekati dan melamar Sayyidatina Khadijah RA namun telah ditolaknya. Nafisah adalah orang yang cerdik. Setelah menyampaikan ‘lamaran’ Siti Khadijah RA, ia tidak meminta Nabi Muhammad SAW untuk menjawab secara langsung pada saat itu juga. Nabi Muhammad SAW diberi waktu untuk memikirkan dan merenungkannya.

Tatkala Nafisah keluar dari rumah Sayyidatina Khadijah RA, dia terus menemui Muhammad al-Amin hingga terjadilah dialog yang menunjukkan kebijaksanaan dan kecerdikannya.

Berkata Nafisah;

“Apakah yang menghalangimu untuk menikah wahai Muhammad?

Lalu Nabi Muhammad SAW menjawab; *“Aku tidak memiliki apa-apa untuk menikah”*Nafisah dengan senyuman berkata:

“Jika aku pilihkan untukmu seorang wanita yang kaya raya, cantik dan memilikisegalanya, maka apakah kamu mau menerimanya?

Maka tanya Nabi Muhammad SAW lagi;

“Siapakah dia wahai Nafisah ?

lalu Nafisah dengan cepat dia menjawab:

“Dia adalah Khadijah binti Khuwailid”

maka Nabi Muhammad SAW terus menjawab;

“Jika dia setuju, maka akupun setuju”

Begitulah perjalanan kisah di awal pertemuan jodoh antara Sayyidatina Khadijah RA dan Nabi Muhammad SAW. Apa yang dilakukan oleh Nafisah ini menjadi pintu perjalanan cinta Nabi Muhammad SAW dan Sayyidatina Khadijah RA.

Sebelum Sayyidatina Khadijah RA bertemu dengan Rasulullah SAW, personaliti beliau hakikatnya banyak dipengaruhi oleh beberapa orang yang begitu dekat dengan beliau iaitu **Hakim Ibnu Hizam** yang merupakan anak saudaranya. Hakim Ibn Hizam merupakan seorang pemuda yang bijaksana. Beliau lebih banyak berkecimpung dalam bidang perniagaan. Minat dalam perniagaan ini juga ada pada Sayyidatina Khadijah RA sehingga beliau menjadi seorang usahawan yang disegani oleh masyarakat Arab Quraisy pada ketika itu. Hakim memperoleh keuntungan dalam perniagaan yang

berlipat ganda, namun beliau tetap bersedekah kepada fakir miskin di Kota Mekah. Hal ini yang membuat Sayyidatina Khadijah RA kagum dan semakin giat mempelajari ilmu perniagaannya. Di samping itu, anak angkat bernama Zaid bin Harithah yang dihadiahkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah merupakan hamba yang tinggal bersama Hakim Ibn Hizam.

PENGORBANAN

Dalam konteks pengurusan perniagaan para usahawan tidak dapat tidak akan melalui dan melakukan pengorbanan yang meliputi pelbagai aspek termasuk **pengorbanan diri, masa, keluarga, tenaga dan komitmen**. Sesebuah pengorbanan perlu dilakukan oleh usahawan bagi mengecapi kejayaan dalam perniagaan.

Sepertimana Sayyidatina Khadijah RA, beliau menyokong kuat Rasulullah SAW dalam menggerakkan usaha dakwah. Beliau pembela paling setia dan sanggup mengorbankan seluruh jiwa raga, harta dan perasaannya demi kejayaan perjuangan Nabi Muhammad SAW. Sesuai dengan gelaran yang diberikan, *Ummul Mukminin*, beliau adalah seorang yang hebat untuk dijadikan Ibu Mithali bagi setiap individu Muslim.

Wanita Cekal Dalam Perjuangan Dakwah

Pernah diceritakan oleh pengkaji sejarah, Rasulullah SAW berpesan kepada Sayyidatina Khadijah RA,

“Wahai Khadijah istirehatlah”

tapi jawab Sayyidatina Khadijah RA

“Tidak ya Rasulullah, istirehat kita adalah di Syurga Allah kerana saat ini adalah perjuangan kita”.

Ternyata betapa besar pengorbanan sosok tubuh Bernama Sayyidatina Khadijah RA dalam menegakkan agama Allah. Bukan sahaja habis seluruh hartanya diinfakkan ke jalan Allah namun segala jiwa raganya diserahkan untuk perjuangan dakwah Rasulullah SAW.

Mendukung perjuangan suaminya Nabi Muhammad SAW dengan semangat dan jiwa seorang pejuang, berpaksikan kepada kekuatan iman. Walaupun secara fizikalnya, Sayyidatina Khadijah RA tidak mengalami gangguan dan ancaman kaum Musyrikin, tetapi sebagai seorang wanita, beliau turut merasakan penderitaan dan kesedihan jika suaminya menerima tentangan dahsyat dalam menyebarkan dakwah Islam. Tidak ditemukan dalam riwayat manapun tentang keluh kesah Sayyidatina Khadijah RA ketika menghadapi kesusahan dan kesulitan hidupnya semasa hidup bersama Nabi Muhammad SAW. Kecekalan beliau adalah bukti agungnya sifat mujahidah solehah ini dalam perjuangan Nabi Muhammad SAW.

Menurut beberapa riwayat, ketegaran Sayyidatina Khadijah RA dalam menghadapi kesusahan hidup mengalahkan para isteri pada umumnya termasuk juga isteri-isteri Rasulullah SAW yang lain. Dikisahkan, suatu hari ketika Rasulullah SAW pulang dari berdakwah, beliau masuk ke dalam rumah. Sayyidatina Khadijah RA menyambut, dan hendak berdiri di depan pintu.

Ketika Sayyidatina Khadijah RA hendak berdiri, Rasulullah SAW bersabda,

“Wahai Khadijah tetaplah kamu ditempatmu.”

Ketika itu Sayyidatina Khadijah RA sedang menyusui Sayyidatina Fatimah RA yang masih bayi. Saat itu seluruh kekayaan mereka telah habis diinfakkan. Seringkali tiada bekalan makanan dan minuman. Sehingga ketika Sayyidatina Fatimah RA menyusu, bukan air susu yang keluar akan tetapi darah. Darahlah yang masuk dalam mulut Sayyidatina Fatimah RA.

Kemudian Rasulullah SAW mengambil Sayyidatina Fatimah RA dari gendongan isterinya lalu diletakkan di tempat tidur. Rasulullah SAW yang

lelah se usai pulang berdakwah dan menghadapi segala cacik maki dan fitnah manusia itu lalu berbaring di pangkuan Sayyidatina Khadijah RA. Rasulullah SAW akhirnya tertidur. Ketika itulah Sayyidatina Khadijah RA membelai kepala Rasulullah SAW dengan penuh kelembutan dan kasih sayang. Tak terasa air mata beliau menitis di pipi Rasulullah SAW. Akhirnya Rasulullah SAW pun terjaga.

“Wahai Khadijah mengapa engkau menangis? Adakah engkau menyesal bersuamikan aku, Muhammad?” tanya Rasulullah SAW dengan lembut.

“Dahulu engkau wanita bangsawan, engkau mulia, engkau hartawan. Namun hari ini engkau telah dihina orang. Semua orang telah menjauhi dirimu. Seluruh kekayaanmu habis. Adakah engkau menyesal wahai Khadijah bersuamikan aku, Muhammad?” tanya Rasulullah SAW lagi apabila melihat isterinya menangis.

“Wahai suamiku. Wahai Nabi Allah. Bukan itu yang ku tangiskan.” jawab Sayyidatina Khadijah RA.

“Dahulu aku memiliki kemuliaan. Kemuliaan itu telah aku serahkan untuk Allah dan RasulNya. Dahulu aku adalah bangsawan. Kebangsawanan itu juga aku serahkan untuk Allah dan RasulNya. Dahulu aku memiliki harta kekayaan. Seluruh kekayaan itu pun telah aku serahkan untuk Allah dan RasulNya”.

Dalam riwayat lain, Ibn Abbas RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah melakarkan empat garisan di atas tanah, lalu bertanya kepada para sahabat:

“Tahukah kamu apakah ini?”.

Para sahabat menjawab: Allah dan Rasul-Nya lebih tahu. Maka Rasulullah SAW pun bersabda:

“Wanita ahli syurga yang paling afdhal ialah: Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad, Asiah binti Muzahim isteri Fir’aun dan Maryam binti Imran”.

Ganjaran syurga terhadap pengorbanan besar Sayyidatina Khadijah RA telah pun disampaikan kepada beliau ketika beliau masih hidup lagi.

Kesetiaan Luar Biasa Seorang Isteri

Sayyidatina Khadijah RA adalah wanita pertama yang menjadi isteri Rasulullah SAW, hidup mendampingi beliau hingga akhir hayatnya selama 25 tahun dan selama itu Rasulullah tidak mempunyai isteri lain. Beliau menyedari betapa besar pengorbanan dan keikhlasan serta kesetiaan seorang isteri dalam hidup sehari-hari mendampingi Rasulullah SAW. Seluruh

kekayaan Sayyidatina Khadijah RA diserahkan kepada Rasulullah SAW untuk perjuangan agama Islam. Dua per tiga kekayaan Kota Mekah adalah milik Sayyidatina Khadijah RA. Namun, akhirnya ada diceritakan pakaian harian beliau hanyalah pakaian lama yang lusuh dan penuh tambalan dipakai berulang-ulang kali kerana habis hartanya diinfakkan ke jalan Allah.

INFO:
Sayyidatina Khadijah
RA:
✧ Wanita pertama
yang
menginfakkan
keseluruhan
hartanya di jalan
Allah.

Begitulah besarnya pengorbanan seorang isteri dalam membantu perjuangan dakwah suaminya sehingga sanggup mengorbankan seluruh jiwa raga, harta, tenaga dan masa demi agamanya yang satu. Pengorbanan Sayyidatina Khadijah RA tiada tolak bandingnya. Sepanjang hidupnya bersama Rasulullah SAW, beliau begitu setia menyertai Baginda dalam setiap peristiwa suka dan duka. Setiap kali suaminya ke Gua Hira, beliau pasti menyiapkan semua bekalan dan keperluannya. Menurut buku kisah- kisah benar Sayyidatina Khadijah RA, ada dinyatakan kisah Sayyidatina Khadijah RA yang sering mendaki bukit Jabal Al-Nur untuk membawa makanan kepada Rasulullah SAW. Tidak dapat dibayangkan bagaimana seorang wanita seperti beliau mampu berulang-alik dua kali sehari seperti yang diriwayatkan untuk menghantar makanan kepada Baginda yang beribadat di situ. Pendakian

bukit berbatu setinggi kira-kira 284 meter itu didaki oleh Sayyidatina Khadijah RA untuk sampai ke Gua Hira' yang berada di puncak Jabal Nur.

Seandainya Rasulullah SAW agak lama tidak pulang, beliau akan meninjau untuk memastikan keselamatan Baginda. Sekiranya Baginda khusyuk bermunajat, beliau tinggal di rumah dengan sabar sehingga Baginda pulang. Apabila suaminya mengadu kesusahan serta berada dalam keadaan gelisah, beliau cuba sedaya mungkin mententeram dan menghiburkannya sehingga suaminya benar-benar merasai ketenangan. Setiap ancaman dan penganiayaan dihadapi bersama. Malah dalam banyak kegiatan peribadatan Rasulullah SAW, beliau pasti bersama dan membantu Baginda.

Kecintaan Sayyidatina Khadijah RA bukanlah sekadar kecintaan kepada suami, sebaliknya yang jelas adalah berlandaskan keyakinan yang kuat tentang keesaan Allah SWT. Segala pengorbanan untuk suaminya adalah ikhlas untuk mencari keredaan Allah SWT. Allah Maha Adil dalam memberi rahmat-Nya. Setiap amalan yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan pasti mendapat ganjaran yang berkekalan.

Firman Allah yang bermaksud:

*“Barang siapa yang mengerjakan amalan saleh,
baik lelaki mahupun wanita dalam keadaan beriman,
maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik
dan sesungguhnya akan Kami berikan balasan kepada mereka dengan
pahala yang lebih baik
daripada apa yang telah mereka kerjakan”.*
(Surah al-Nahl: 97)

Janji Allah itu benar. Kesan kesetiaan Khadijah bukan sekadar menghasilkan kekuatan yang mendorong kegigihan dan perjuangan Rasulullah SAW, malah membawa barakah yang besar kepada rumah tangga mereka berdua. Anak-anak yang lahir juga adalah anak-anak yang soleh. Keturunan zuriat ahlul-bait Rasulullah SAW merupakan insan yang sentiasa

taat melaksanakan perintah Allah SWT. Semua ini menghasilkan kekuatan yang membantu meningkatkan perjuangan Islam.

Tahun Kesedihan

Selepas bapa saudara Nabi Muhammad SAW iaitu Abu Talib wafat, Sayyidatina Khadijah RA yang ketika itu berusia 65 tahun telah jatuh sakit. Tidak lama kemudian, Sayyidatina Khadijah RA pula wafat. Kisah kewafatan Sayyidatina Khadijah RA sangat menyentuh hati dan memberi kesan kepada Rasulullah SAW. Beliau mula tidak sihat kesan dari beratnya penderitaan yang ditanggung selama dipulau oleh kaum Musyrikin Quraisy selama 3 tahun. Menurut Sirah Nabawiyah Sayyidatina Khadijah RA telah wafat pada kesepuluh Ramadhan pada tahun 619 Masihi.

Sayyidatina Khadijah RA telah mengorbankan semua hartanya untuk perjuangan syiar Islam. Semua umat Islam waktu itu menikmati pemberian Sayyidatina Khadijah RA. Bahkan semua pakaian kaum muslim ketika itu kebanyakan juga dari Sayyidatina Khadijah RA. Namun di akhir hayatnya, beliau tidak memiliki harta sedikit pun, baju yang dia kenakan penuh tampalan malah ada disebutkan tampalan ada sekitar 83 tampalan. Sayyidatina Khadijah RA akhirnya menghembuskan nafas yang terakhirnya di pangkuan Rasulullah SAW.

PENGURUSAN MASA

Para usahawan perlu **bijak dan cekap** dalam mengendalikan **pengurusan masa**. Dalam sesebuah perniagaan, pengurusan masa merupakan nadi penggerak kepada kelancaran pengurusan perniagaan yang berjaya.

Sayyidatina Khadijah binti Al-Khuwailid RA ini meskipun sukses dalam perniagaan dan memiliki reputasi sebagai individu yang kaya dalam kalangan masyarakat Arab pada ketika itu, beliau tidak pernah menunjukkan sikap sombong dan selalu memberikan senyuman, kesopanan, dan kelembutan

dalam segala hal yang berkaitan dengan urusan peribadi dan juga pekerjaan. Beliau sangat teliti dan pandai dalam menguruskan masa. Beliau bersifat cekap dalam menguruskan perniagaan termasuklah **pandai membahagikan masa** dan melaksanakan semua tugas dengan baik. Agak mustahil di zaman itu wanita kaum Quraisy mampu melakukan perniagaan sepertimana beliau. Namun tidak bagi insan hebat bernama Sayyidatina Khadijah RA. Kelebihan menguruskan perniagaannya menjadikan beliau seorang ahli korporat wanita yang berjaya pada ketika itu.

Komitmen Sayyidatina Khadijah RA bukan hanya tertumpu kepada perniagaannya tetapi beliau adalah sosok paling penting dalam medan dakwah Rasulullah SAW. Walaupun pada usia 40 tahun perkahwinan beliau dengan Nabi Muhammad SAW, beliau masih dikurniakan 6 orang zuriat soleh solehah. Beliau mampu mendidik anak-anaknya dengan didikan yang terbaik walaupun di saat Nabi SAW menghadapi pelbagai ujian dan rintangan. Malah tugasnya yang membantu masyarakat pada ketika itu merupakan satu tugas yang agak berat.

Oleh itu, Sayyidatina Khadijah RA adalah wanita yang hebat dan memenuhi tuntutan kehidupan dengan pelbagai komitmen tetapi mampu mengikut hukum syarak dan sunah Rasulullah SAW. Ini adalah untuk mendapat petunjuk dan keredhaan dari Allah SWT serta sebagai calon penghuni syurga (Jannah). Hal ini juga kerana Allah menyayangi wanita, seperti yang disebutkan dalam al-Quran:

“Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isterikamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana

boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak”.

(Surah An-Nisa:19)

CABARAN

Cabaran adalah sebarang **ujian** yang akan berlaku dan perlu dihadapi semasa menguruskan perniagaan termasuk risiko kewangan, kerugian atau cabaran-cabaran lain yang memerlukan tindakan wajar bagi penyelesaian. Bagi menghadapi cabaran- cabaran ini, sikap yang perlu ada adalah seperti positif, berani, sabar, tabah dan redha. Sayyidatina Khadijah RA bukan sahaja menghadapi **cabaran dalam perniagaan** tetapi juga **cabaran dalam perjalanan dakwah** Rasulullah SAW.

Sebelum Sayyidatina Khadijah RA bertemu dengan Rasulullah SAW, beliau telah pun melalui pelbagai cabaran dan dugaan. Walaupun dilanda pelbagai dugaan, kehilangan ayah dan juga dua orang suami, beliau tetap menjadi wanita yang kuat dan tabah serta menjadi usahawan yang unggul membawa perniagaannya ke tahap yang jauh lebih tinggi lagi. Sayyidatina Khadijah RA diuji apabila dua kali mendirikan rumah tangga, dan kedua-dua suami meninggal dunia menjadikannya ibu tunggal selama 15 tahun membina perniagaan sebelum bertemu dengan Rasulullah SAW.

Betapa kuatnya Sayyidatina Khadijah RA sebagai seorang ibu tunggal yang berdikari membesarkan dua orang anak-anaknya serta pada masa sama mengusahakan perniagaannya selama bertahun-tahun dan membesarkan lagi empayar perniagaannya sehingga menandingi usahawan-usahawan lelaki yang lain. Dan ketika itu, kerosakan akhlak dan korupsi amat berleluasa. Sayyidatina Khadijah RA tidak pernah kompromi sifat kemuliaannya sebagai wanita yang terpuji dalam mengembangkan lagi perniagaannya. Namun, perniagaannya terus berkembang menandingi perniagaan- perniagaan yang lain.

Cabaran Dakwah, Ekonomi dan Perniagaan

Pada awalnya Nabi Muhammad SAW dan Sayyidatina Khadijah RA tentangan hebat dari Abu Lahab iaitu bapa saudara Nabi Muhammad SAW apabila baginda menyampaikan dakwahnya kepada kaum kerabatnya. Ketika itu Rasulullah SAW menjemput kaum kerabatnya ke rumah Abu Lahab. Selesai Rasulullah SAW menyampaikan dakwah kepada kaum kerabatnya, dengan marah Abu Lahab berkata:

“Celaka engkau Muhammad. Untuk inikah engkau menjemput kami ke sini?”

Tentangan Abu Lahab terhadap Nabi Muhammad tidak berhenti disitu kerana apabila Nabi Muhammad memanggil kaum kerabatnya buat kali kedua untuk menyampaikan dakwahnya, Abu Lahab bangkit dengan muka yang merah dan geram.

Selain itu, tentangan lain yang diterima oleh Nabi SAW apabila menerima ancaman bunuh daripada kaum kafir. Sayyidatina Khadijah RA menyaksikan sendiri peristiwa Kaum Musyirikin beramai-ramai datang kepada Abu Talib dengan membawa seorang lelaki sebagai tukaran dan mereka meminta agar Nabi Muhammad SAW diserahkan kepada mereka untuk dibunuh.

Bukan itu cabaran itu sahaja, selepas peristiwa itu Sayyidatina Khadijah RA dan

Nabi Muhammad sekali lagi diuji. Ini dapat disaksikan dalam peristiwa pemulauan yang dilakukan oleh kafir Musyirikin terhadap Bani Hashim dan Bani Mutalib selama tiga tahun. Ini antara cabaran yang memeritkan yang

INFO:

Cabaran Utama Sayyidatina Khadijah RA dan Nabi Muhammad SAW:

- ✧ Tentangan bapa saudara Nabi Muhammad SAW iaitu Abu Lahab
- ✧ Pemulauan terhadap masyarakat Bani Hashim dan Bani Mutalib oleh kafir Musyirikin Mekah
- ✧ Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA disekat
- ✧ Ketiadaan makanan dan minuman akibat pemulauan.

dialami oleh Sayyidatina Khadijah RA apabila kaum kerabat Nabi SAW diboikot sendiri oleh kaum Quraisy. Perniagaan beliau disekat, ramai yang menderita diseksa oleh kaum kafir Musyrikin. Sayyidatina Khadijah RA tetap berdiri teguh di samping Nabi SAW yang menghadapi keperitan ekonomi pada ketika itu. Beliau sanggup meninggalkan segala kemewahan demi keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya.

Pelbagai pengorbanan ditaburkan untuk memberikan perlindungan dan pembelaan kepada suaminya yang melaksanakan tugas kerasulannya. Pahit getir dalam menempuh hidup sebagai pejuang Allah SWT dirasakannya serta pelbagai ugutan dan cabaran diharungi bersama Rasulullah SAW lantaran ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Pada awal pemulauan dan sekatan, usaha Sayyidatina Khadijah RA melalui rangkaian perniagaannya beliau berjaya menyeludup masuk makanan ke tempat pemulauan, namun ia tidak bertahan lama dan disedari oleh pihak Quraisy dan menyekatnya. Seheinggakan diceritakan bahawa pernah suatu ketika beliau memakan daun-daun kerana ketiadaan bekalan makanan. Akibat dugaan yang berat ini juga Sayyidatina Khadijah RA akhirnya jatuh sakit.

KEWANGAN

Pengurusan kewangan dalam perniagaan merupakan **strategi penting** yang sentiasa diberikan penekanan oleh para usahawan semasa proses memulai dan menjalankan perniagaan. Pengurusan kewangan yang baik juga merupakan satu langkah penting bagi memastikan perniagaan ditubuhkan berjalan lancar tanpa mengalami masalah pada masa hadapan.

Kecekapan Dalam Pengurusan Kewangan

Sejak dari awal lagi, Sayyidatina Khadijah RA mengamalkan pengurusan kewangan yang patuh syariah mengikut dan mematuhi prinsip, etika dan kaedah pengurusan kewangan Islam. Sesungguhnya, Allah SWT melarang

sama sekali umat Islam untuk melakukan sesuatu yang dilarang dalam Islam dan melaknat orang yang melakukan penipuan, monopoli dan riba. Terutamanya dalam larangan riba, Allah SWT melarang sama sekali melakukan riba dalam segala urusan perniagaan kerana riba ini umpama mengambil harta manusia dengan menggunakan cara yang batil dan salah.

Justeru itu, dalam menjalankan sesebuah perniagaan, aspek lain yang perlu dititikberatkan oleh pengurus perniagaan khususnya adalah dalam kecekapan pengurusan kewangan. Selain memperoleh keuntungan daripada perniagaan, memperoleh keberkatan juga merupakan antara matlamat yang mesti diharapkan oleh pengurus perniagaan di samping kemajuan dalam menjalankan perniagaan. Khadijah menyedari bahawa jika berlaku penyelewengan dalam kewangan akan memberi kesan kepada perniagaan yang dijalankan sama ada rugi atau berlakunya permusuhan antara para pekerja atau para pengguna.

Sepertimana dalam Al-Quran secara tegas telah menganjurkan kepada orang-orang beriman agar menceburkan diri dalam perniagaan tanpa adanya penyelewengan. Allah SWT menyebutkan dengan jelas dalam al-Quran:

“Wahai orang-orang yang beriman! mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”
(Surah Ash Saff :10-11)

Sayyidatina Khadijah RA bukan sahaja terkenal kerana kecekapan dan kebijaksanaannya dalam menguruskan kewangan dan beliau memiliki pengetahuan yang mendalam tentang strategi dalam pelaburan. Ini dapat dilihat daripada beliau mempunyai kemampuan yang baik dalam mengurus pendapatan yang diperoleh dari perniagaan dengan memahami pentingnya membahagikan pendapatan dengan bijaksana, termasuklah mengasingkan

dana untuk tabungan, pelaburan, dan kecemasan. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila Sayyidatina Khadijah RA bukan sahaja memiliki harta yang banyak bahkan dapat menggandakan harta yang dimiliki melalui perniagaan yang dijalankan.

Sistem Pengurusan Kewangan Yang Teratur

Pengurusan kewangan amat penting bagi pembentukan kehidupan setiap individu, pembangunan masyarakat malah sehingga kepada pembinaan negara maju dan berjaya. Setiap apa yang dibelanjakan akan dihitung dan dipersoalkan di hari akhirat. Fahamilah sabda Baginda Nabi SAW di dalam satu hadis (al-Tirmizi 1962):

“Tidak akan berganjak kedua kaki seorang hamba pada Hari Kiamat sehingga ditanya tentang empat perkara: Tentang usianya pada apa dihabiskannya, tentang masa mudanya dan apa yang diperjuangkannya, tentang hartanya dari mana datangnya dan kemana telah dibelanjakannya dan tentang ilmunya apa yang telah dibuatnya”,
(Riwayat al-Tirmidzi)

Sayyidatina Khadijah RA merupakan pengusaha yang paling berjaya dan terkenal. Kejayaan beliau bukan sahaja dapat dilihat melalui pencapaian prestasi pengurusan kewangan yang baik seperti memperoleh keuntungan yang banyak, sistem pengurusan debit kredit yang betul walaupun dalam keadaan menjalankan perniagaan import eksport yang berskala besar merentasi enam buah negara, bahkan beliau juga mempunyai peranan dan sumbangan yang besar terutamanya kepada masyarakat sekelilingnya melalui hasil perniagaannya. Dalam hal ini Nabi SAW pernah bersabda (al-Bukhari 2002):

“Sebaik-baik kamu adalah yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain.”
(Riwayat al-Bukhari)

Meskipun memiliki harta kekayaan dan perniagaan daripada dua orang suaminya, Sayyidatina Khadijah RA memberi wang pinjaman atas dasar kongsi keuntungan kepada saudara maranya yang dipercayai. Beliau juga mengeluarkan modal yang diperoleh daripada pemberi pinjamannya dalam perdagangan kafilah. Sistem pemberian pinjaman dan pengiraan keuntungan dilakukan dengan amalan kewangan yang betul dan cekap. Keuntungan dari perdagangan dibahagikan sama rata dan adil. Sayyidatina Khadijah RA juga mempunyai pekerja dan ejennya sendiri di Mekah yang mana mereka ini bekerja untuk beliau dan juga untuk diri mereka sendiri. Di samping itu, beliau akan memberi upah kepada beberapa orang lelaki untuk membawa keluar barang dagangannya dari Hijaz dengan menggunakan konsep *Mudharabah*.

Dalam peristiwa ketika kaum Quraisy memulaukan orang muslim secara politik, ekonomi dan sosial, Sayyidatina Khadijah RA turut bersama suaminya dan teguh dalam mempertahankan keimanannya bahkan dalam masa pemuluan ini, Sayyidatina Khadijah RA mengeluarkan segala harta yang dimilikinya untuk meringankan penderitaan yang menimpa orang muslim, dan melapangkan orang fakir muslim. Ketika zaman orang-orang Yahudi menyekat ekonomi orang Islam, mereka tidak diberi makan dan minum, dilarang berjual beli serta berkahwin. Namun demikian, Sayyidatina Khadijah RA melaburkan duitnya dengan membeli air walaupun harga mahal dan menggunakan duit itu ke jalan yang diredai Allah SWT.

Sayyidatina Khadijah RA sangat berhati-hati dalam mengawal perbelanjaan perniagaannya. Beliau menyemak dan menilai setiap perbelanjaan yang dibuat, memastikan bahawa wang dihabiskan dengan bijak. Dengan mengawal perbelanjaan dengan cermat, beliau dapat mengurangkan pembaziran dan meningkatkan keuntungan perniagaannya. Beliau menyediakan rekod yang terperinci tentang pendapatan dan perbelanjaan harian, mingguan, dan bulanan perniagaannya. Dengan memantau kedua-dua aspek ini, beliau dapat mengenal pasti *trend* perbelanjaan dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos.

Sayyidatina Khadijah RA tidak hanya berfokus pada aspek harian perniagaannya, tetapi juga membuat perancangan kewangan jangka panjang. Beliau menetapkan matlamat dan sasaran jangka panjang untuk pertumbuhan perniagaannya serta menyediakan strategi kewangan yang komprehensif untuk mencapai matlamat kestabilan kewangan perniagaannya dalam jangka masa yang lebih lama.

Di samping itu juga, Sayyidatina Khadijah RA juga berhati-hati dalam melabur dan menguruskan risiko kewangan perniagaannya. Beliau menjalankan kajian pasaran dan analisis risiko sebelum membuat keputusan pelaburan yang bijak dengan pedagang-pedagang Arab yang lain. Dengan berhati-hati dalam melabur dan menguruskan risiko kewangan, Sayyidatina Khadijah RA dapat meminimumkan kerugian dan mengoptimumkan pulangan pelaburannya.

INFO:

Tips Pengurusan Kewangan:

- ✧ Membuat perancangan jangka panjang
- ✧ Ilmu kewangan yang mencukupi
- ✧ Semak dan nilai perbelanjaan
- ✧ Strategi pengurusan kewangan yang komprehensif

BAB 6

PERNIAGAAN SEBAGAI KERJAYA

Objektif bab ini:

1. Mengenalpasti elemen perniagaan adalah kerjaya berdasarkan Sayyidatina Khadijah RA.
2. Menerangkan elemen pengurusan pekerjaan dan perniagaan dalam konteks usahawan wanita.
3. mempraktikkan kisah Sayyidatina Khadijah RA dalam dalam konteks pengurusan kerjaya dan perniagaan bagi usahawan wanita.

PENGENALAN

Kerjaya dalam bidang keusahawanan merupakan kerjaya yang menarik dan penuh cabaran yang akan menjadikan seseorang individu itu menjadi lebih baik dan berdaya saing. Oleh sebab itulah di dalam Islam, melibatkan diri dalam perniagaan adalah **sesuatu yang dituntut**. Sejak dahulu lagi sudah menjadi kebiasaan dan tradisi masyarakat Arab Quraisy menjalankan aktiviti perniagaan. Tidak terkecuali wanita hebat Sayyidatina Khadijah RA.

PENGURUSAN DALAM PEKERJAAN

Kebanyakan usahawan hari ini bukan sahaja memiliki perniagaan sendiri, malah ada juga dari kalangan mereka yang telah mempunyai **kerjaya hakiki atau pekerjaan tetap**. Hakikatnya, melakukan dua pekerjaan dalam satu masa bukanlah merupakan perkara yang mudah bagi seorang usahawan

wanita. Maka pengurusan dalam pekerjaan adalah aspek penting yang perlu diambil kira.

Kecekapan dalam Pengurusan

Keperibadian yang ada pada Sayyidatina Khadijah RA telah meletakkan beliau sebagai seorang tokoh usahawan Islam yang disegani kerana kebijaksanaannya menguruskan perniagaan di tengah-tengah kelompok masyarakat Arab yang pada ketika itu memandang rendah terhadap golongan wanita. Dalam konteks pengurusan perniagaan, Sayyidatina Khadijah RA menunjukkan beberapa contoh pengurusan yang hebat. Antaranya dapat dilihat dari kehidupan Sayyidatina Khadijah RA memohon Nabi Muhammad SAW menjadi rakan kongsinya.

Penerimaannya terhadap Nabi Muhammad SAW bukan sahaja sebagai rakan kongsi perniagaan, malahan rakan kongsi hidup. Wanita ini adalah tokoh penting dan utama yang sangat berani dan bertanggungjawab mengambil risiko menerima, membiayai dan mengembangkan cetusan minda usahawan Rasulullah SAW. Itulah sebabnya beliau dikategorikan sebagai tokoh usahawan ulung di zaman para sahabat.

Menurut Ibnu Athir dan Ibnu Hisyam, Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang saudagar yang sangat masyhur serta terkenal dengan sifat kemuliaan budi dan kekayaan hartanya. Sayyidatina Khadijah RA adalah contoh wanita yang sangat berbakat, bijaksana dan optimis dalam mengurus pekerjaan dan perniagaan.

Mengambil Peluang dan Berani Mengambil Risiko

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang yang bijak mengambil peluang dan risiko dalam bidang perniagaan. Beliau memiliki keberanian dan kecekapan untuk mengenal pasti peluang perniagaan yang menguntungkan dan bersedia mengambil risiko untuk mencapainya. Hal ini dapat dilihat apabila Sayyidatina

Khadijah RA melantik Nabi Muhammad SAW sebagai ejennya yang baru meskipun tidak mengenali baginda secara dekat. Beliau hanya mengetahui tentang keperibadian Baginda yang tinggi melalui cerita yang disampaikan oleh bapa saudara baginda iaitu Abu Talib dan juga masyarakat sekeliling Mekah. Memandangkan Sayyidatina Khadijah RA tidak mengenali Nabi

Muhammad SAW secara dekat, beliau melantik pembantunya Maisarah, untuk menjadi pemerhati kepada ejen barunya itu. Dengan cara itu, beliau dapat mengetahui tindak tanduk Nabi Muhammad SAW dan menambah kepercayaan serta keyakinan terhadap ejen barunya.

Sayyidatina Khadijah RA juga bijak mengambil peluang yang ada. Hal ini dapat dilihat apabila Mekah tidak pernah sunyi daripada kunjungan manusia dengan tujuan yang pelbagai. Ada di antara mereka yang datang ke Mekah untuk menjalankan ibadah, berniaga dan lain-lain lagi. Selain itu, kedudukan Mekah yang terletak sebagai laluan tengah perdagangan antarabangsa juga menarik minat pedagang luar untuk singgah di Mekah. Melihat kepada senario tersebut, Sayyidatina Khadijah RA mengambil peluang untuk berniaga bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk Mekah mahupun pengunjung luar yang datang.

Perniagaan Berkonsepkan Mudharabah

Konsep *Mudharabah* adalah urusan atau perniagaan yang melibatkan bekerjasama dengan orang lain mereka bagi meningkatkan keuntungan. Keuntungan tersebut kemudiannya dibahagi-bahagikan.

Pensyariatan *Mudharabah* terangkum dalam firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”
(Surah al-Baqarah:198)

Mudharabah juga salah satu kaedah dalam melaksanakan aktiviti perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kedua-dua pihak yang berkontrak. Ini dilihat bila Sayyidatina Khadijah RA ingin membahagikan keuntungan hasil perdagangan di Syam dengan orang lain. Apabila Sayyidatina Khadijah RA mendengar mengenai perihal peribadi Muhammad bin Abdullah yang sangat mulia dan memiliki akhlak yang terpuji, ia terus mempelawa kepada Nabi Muhammad SAW, supaya menjalankan usaha perniagaan dengan hartanya dan sanggup memberikan keuntungan yang lebih dari yang pernah diberikan kepada orang lain.

INFO:

Apa itu *Mudhrabah*?

- ✧ .
- ✧ *Mudharabah* ialah konsep perkongsian untung.
- ✧ Perjanjian di antara pemberi modal dan pengusaha projek di mana pengusaha projek boleh menggunakan dana bagi menjalankan aktiviti perniagaan.
- ✧ Keuntungan yang diperoleh akan dikongsi bersama seperti yang dipersetujui.

Amalan Pengurusan Yang Cekap

Amalan pengurusan yang cekap dan berkesan memberi kesan positif kepada prestasi termasuk perkembangan dan keuntungan perniagaannya. Sayyidatina Khadijah RA menguruskan perniagaan dengan baik dan cekap. Keadaan ini membolehkan perniagaannya dijalankan dengan lancar dan menguntungkan. Ini dapat dilihat sebelum memulakan persiapan yang rapi iaitu sebelum rombongan dagangannya bergerak ke luar Kota Mekah. Segala barangan yang hendak dijual disiapkan terlebih dahulu dan disusun dengan kemas. Persiapan yang rapi itu dapat membolehkan rombongan dagangannya bergerak ke luar kota seperti yang dirancang. Tambah pula beliau sendiri yang memantau para pekerjaanya memunggah barang dagangan untuk dinaikkan ke atas unta. Beliau juga menugaskan Maisarah

untuk mencatat semua transaksi perniagaan. Keadaan ini membolehkan Sayyidatina Khadijah RA mengetahui kedudukan perniagaannya dan menambah baik kekurangan yang ada.

Konsep Empowerment

Sayyidatina Khadijah RA mengamalkan konsep *empowerment* dengan memberi kebebasan pekerjaanya berfikir, bertindak serta memberi pendapat tentang kerja yang mereka lakukan, mempunyai kebolehan dalam membuat pilihan pekerja yang mahir dan mampu mentadbir pekerja-pekerja beliau sehingga membantu menjalankan operasi perniagaan dengan cekap sehingga meningkatkan produktiviti, perniagaannya semakin banyak dan maju, kebiasaannya perniagaannya antara Mekah dengan Madinah beliau akan menyerahkan kepada Maisarah, lelaki jujur keturunan Quraisy itu untuk membantunya.

Kesemua ahli rombongannya telah meraih keuntungan, namun dengan cara perdagangan berbeza yang dilakukan oleh Rasulullah SAW telah mendatangkan keuntungan lebih lumayan daripada mereka. Ini menunjukkan kehebatan Baginda dalam bidang perniagaan! Begitu juga dengan karakter yang jujur penuh keikhlasan, Baginda telah dapat menarik kecintaan dan penghormatan Maisara kepadanya. Setelah tiba masanya Kafilah pun kembali ke Mekah dan sebelumnya mereka telah membeli segala barang dagangan dari Syam yang dirasa akan disukai oleh Sayyidatina Khadijah RA.

Menurut Ibnu Hisham (1990), Maisarah menceritakan tentang kebesaran jiwa Nabi Muhammad SAW sepanjang perjalanan dan semasa urusan perdagangan. Diceritakan oleh Maisara di mana terdapat banyak peristiwa aneh sepanjang perjalanan beliau ke Syam. Maisara menceritakan bahawa ketika di Syam, Nabi Muhammad SAW berehat di sebatang pokok berhampiran dengan sebuah istana yang didiami oleh seorang pendeta. Pendeta tersebut bertanya kepada Maisarah,

Pendeta itu berkata;

“Siapakah lelaki yang berehat di pokok itu?”

Maisarah menjawab, *“Seorang lelaki Quraaisy dari tanah haram”*.

“Tiada syak lagi bahawa Orang yang duduk di bawah naungan pokok itu adalah Nabi yang tentangnya telah saya baca banyak khabar gembira di dalam Taurat dan Injil.”

Kemunculan Nabi akhir zaman ini bukan sahaja menyerlah kerana budi pekerti dan akhlak baik yang ditunjukkan malah juga kemampuan Baginda berniaga bersama Sayyidatina Khadijah RA.

Komunikasi Yang Baik

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang yang pandai berkomunikasi dan mempunyai jaringan yang baik. Beliau menjalin hubungan yang baik dengan pelanggan, pembekal, dan rakan kongsi perniagaannya. Selain itu dapat dilihat apabila beliau mengawal perniagaan dengan cara berkomunikasi dengan pekerjanya dari rumah di Mekah sehingga perniagaannya berkembang sehingga ke negara jiran. Begitu juga dengan rakan kongsi perniagaannya iaitu Rasulullah SAW merupakan seorang yang baik tutur katanya dalam berkomunikasi dengan pelanggan sepanjang Baginda meniadakan barang-barang dagangan Sayyidatina Khadijah RA.

Selain itu, Sayyidatina Khadijah RA terkenal sebagai seorang wanita yang bijak dalam berbagai hal, termasuk dalam perundingan. Beliau juga seorang pendengar yang baik. Dia tidak hanya berbicara, tetapi juga mendengarkan dengan saksama apa yang dikatakan oleh pihak lain. Ini membantunya memahami keinginan pihak lain, dan memungkinkannya dia untuk bertindak dengan tepat. Kemampuan melakukan tawar-menawar dengan baik dalam perundingan. Beliau memiliki kebijaksanaan untuk menentukan batas-batas yang dapat diterima dalam suatu perjanjian, sambil tetap

mempertahankan hubungan yang baik dengan pihak lain. Paling utama beliau tidak terburu-buru dalam setiap perundingan perniagaan yang dilakukan.

Selain itu, berdasarkan catatan yang direkodkan di dalam kitab-kitab sirah, semasa Nabi Muhammad SAW membantu Sayyidatina Khadijah RA dalam perniagaan, Baginda menunjukkan akhlak yang baik dengan pelanggan. Barang dagangan yang dibawa Rasulullah SAW laris dijual dan mendatangkan banyak keuntungan lantaran sifat ramah dan mesra baginda dalam berniaga. Baginda gemar melemparkan senyuman kepada orang lain dan banyak bersedekah serta menghulurkan bantuan kepada pelanggannya yang benar-benar memerlukan. Keistimewaan yang dimiliki oleh Baginda membuatkan setiap perniagaan atau jualannya sentiasa menghasilkan keuntungan besar dan menggembirakan Sayyidatina Khadijah RA. Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah
sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas)
supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan
berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah
Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki)
dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.”
(Surah al-Baqarah ayat: 245)*

Islam memerintahkan agar umat manusia berlaku adil dalam perniagaan serta memberikan layanan yang baik kepada pelanggan. Rasulullah SAW sentiasa mengamalkan sikap baik hati dan lemah lembut ketika menjalankan perniagaan dan tidak pernah menyakiti hati peniaga yang lain. Amalan tersebut bersesuaian dengan konsep persaudaraan dalam Islam sebagaimana juga firman Allah dalam Surah al-Hujurat yang bermaksud:

*“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara,
maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu;
dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”
(Surah al-Hujurat :10)*

PENGURUSAN PERNIAGAAN

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang pengusaha yang bijak dalam mengurus perniagaannya. Beliau mengaplikasikan **prinsip-prinsip pengurusan yang efektif** untuk menjalankan perniagaannya dengan kejayaan.

Seorang usahawan wanita terunggul yang membina empayar perniagaan yang berkali-kali ganda lebih hebat dikalangan persaingan usahawan kaum lelaki sehingga dikenali sebagai “Permaisuri Quraisy”. Rombongan perniagaan Sayyidatina Khadijah RA dikatakan adalah sebanyak 800 ekor unta dan beliau mempunyai 400 orang pekerja. Ini menunjukkan betapa besar empayar perniagaannya ketika itu. Antara amalan pengurusan perniagaan yang diamalkan oleh Sayyidatina Khadijah RA ialah:

Mengenal Pasti Pasaran

Khadijah mengambil masa untuk mengkaji dan memahami pasaran di mana perniagaannya beroperasi. Beliau mengenal pasti peluang dan cabaran dalam pasaran, serta mengetahui keperluan dan kehendak pelanggan. Dengan memahami pasaran dengan baik, beliau dapat membuat keputusan yang tepat dan mengambil langkah- langkah yang strategik untuk memenangi persaingan dan memenuhi permintaan pelanggan. Beliau sangat berpengetahuan luas tentang perniagaan.

Perniagaan Khadijah bermula di Mekah. Namun, tidak cukup dengan perniagaan tempatan sahaja, beliau mengembangkan lagi perniagaannya ke negara- negara berhampiran untuk menjalankan perniagaan, ketika ini dikenali sebagai import dan eksport. Dua negara yang sering menjadi tumpuan perniagaan ketika itu adalah Syria atau dikenali sebagai Syam dan juga Yaman. Syria di utara Mekah, manakala Yaman di selatan. Syria ketika itu adalah hub perniagaan yang sangat penting. Lebih- lebih lagi ketika musim panas, cuaca di Syria adalah sangat baik untuk menjalankan perniagaan

sepanjang tahun. Lokasi Syria juga adalah sangat strategik dalam menghubungkan rangkaian perniagaan di negara sekeliling. Syria terletak dalam lingkungan 2,000 km dari utara Mekah. Ketika itu, ianya akan mengambil masa lebih kurang 3 minggu untuk membawa rombongan perniagaan unta dari Mekah ke Syria. Dan ini yang dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah RA, menghantar rombongan perniagaan untuk mengembangkan lagi empayar perniagaannya.

Bijak Menilai dan Mengurus Sumber Manusia

Pengurusan sumber manusia yang baik membantu Sayyidatina Khadijah RA untuk menjaga produktiviti dan kesetiaan pekerja. Beliau teliti memilih pekerja yang jujur dan amanah untuk perniagaannya. Antara buktinya, oleh kerana Sayyidatina Khadijah RA ingin sangat Rasulullah SAW menyertai rombongan perniagaannya, dan beliau bijak menilai reputasi yang diberikan oleh Rasulullah SAW sebagai ketua rombongan perniagaannya, Sayyidatina Khadijah RA menjanjikan bayaran dua kali ganda kepada Rasulullah SAW dibandingkan dengan peniaga-peniaga yang lain. Barangan yang dibawa berniaga oleh Rasulullah SAW termasuklah herba, kain, wangian, kismis, kurma dan juga barangan mewah untuk dijual kepada orang-orang kaya dan berada di Syam. Dengan kelembutan, kejujuran dan kemampuannya ternyata Rasulullah SAW sangat berjaya memperdagangkan

INFO:

Fakta Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ Perniagaan antarabangsa – import eksport.
- ✧ Pelbagai produk termasuk herba, kain, wangian, kismis, kurma dan barangan mewah.
- ✧ Sistem rangkaian ejen-ejen,
- ✧ Mempunyai 400 orang pekerja
- ✧ Rombongan perniagaan Sayyidatina Khadijah RA adalah sebanyak 800 ekor unta

barang-barang perniagaan Sayyidatina Khadijah RA. Ini kerana, reputasi Rasulullah SAW yang terkenal dengan kejujuran dan kepercayaan

menjadikan Rasulullah SAW seorang yang disukai dan disayangi ramai ketika itu.

Di dalam sebuah hadis ada diriwayatkan tentang kejujuran peniaga dalam melakukan urusan perniagaan sepertimana kejujuran yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (al-Tirmizi 1962):

“Sesungguhnya para peniaga ini akan dibangkitkan pada hari Kiamat dalam keadaan yang berdosa melainkan orang-orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat kebaikan dan jujur.”

(Riwayat al-Tirmizi)

Sepanjang perjalanan rombongan perniagaan itu, Maisarah berpeluang melihat Rasulullah SAW berniaga secara bersemuka dan menyaksikan bahawa tiada percanggahan dalam apa yang dituturkan oleh Rasulullah SAW dan juga segala perbuatannya. Memang benar Baginda memiliki keperibadian akhlak yang terpuji. Kehebatan Rasulullah SAW dalam berniaga ketika rombongan itu telah berjaya memperolehi keuntungan dua kali ganda lebih dibandingkan dengan peniaga-peniaga lain. Betapa hebatnya Rasulullah SAW berniaga.

Apabila pulang dari rombongan itu, Sayyidatina Khadijah RA bukan sahaja membayar dua kali ganda bayaran seperti telah dijanjikan sebelum rombongan. Tetapi oleh kerana jualan Rasulullah SAW adalah sangat tinggi, beliau membayar Rasulullah SAW empat kali ganda bayaran upah. Kisah ini memperkukuhkan lagi bahawa Sayyidatina Khadijah RA amat bijak dalam menghargai nilai sumber manusia dalam mengembangkan lagi perniagaannya.

Membina Penjenamaan Perniagaan

Kecantikan fizikal yang dimiliki Khadijah dan keperibadiannya yang sering membantu mereka yang susah, dan gelaran terhadap Sayyidatina Khadijah RA “*Tahirah*” yang bermaksud suci maruah diri itulah yang menjadi jenama

Sayyidatina Khadijah RA. Jenamanya dalam perniagaan amat sinonim dengan kepercayaan. Sehingga rombongan perniagaannya ke serata negara sering mendapat sambutan yang hebat. Namanya dan perniagaan keluarganya adalah jenama yang dikaitkan dengan kepercayaan, keyakinan dan kualiti oleh kerana hanya menjual barangan yang berkualiti sahaja. Maka tidak mustahil rombongan dagangannya adalah berkali-kali ganda lebih besar dari usahawan-usahawan Quraisy yang lain.

Sesuatu perniagaan perlu mempunyai jenamanya yang tersendiri. Sebagai usahawan wanita hebat, yang dikenali sebagai "*Tahirah*", ini sahaja telah memberi maksud kepada penjenamaan yang sebenar. Ketika zaman Khadijah, logo perniagaan belum pun lagi diciptakan. Tetapi empayar perniagaan Khadijah perniagaan tetap boleh berkembang ke tahap yang lebih tinggi. Jenama bukanlah sekadar logo, warna, slogan atau laman web sahaja, tetapi "perasaan dan pengalaman" kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sesuatu "nama" perniagaan.

Ketika Sayyidatina Khadijah RA mengembangkan empayar perniagaannya, persaingan perniagaan juga adalah sangat sengit serta berbahaya, oleh kerana zaman itu rompakan dan kecurian rombongan pedagang sering terjadi. Tambahan, perniagaan merupakan industri yang didominasi oleh lelaki. Namun begitu, oleh kerana jenama perniagaan Sayyidatina Khadijah RA dipercayai dan di hormati, kejayaan perniagaannya terus melonjak tinggi. Perniagaannya disebut oleh serata masyarakat Mekah dan sekitarnya pada ketika itu. Dalam dunia perniagaan persaingan tinggi hari ini, pastinya penjenamaan adalah amat penting dalam mendapatkan lebih ramai pelanggan.

INFO:

Prinsip Perniagaan Rasulullah SAW bersama Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ Jujur dan Amanah
- ✧ Komunikasi yang baik
- ✧ Kecekapan dalam pengurusan
- ✧ Persaingan yang kompetitif
- ✧ Memanfaatkan kelebihan masing-masing
- ✧ Mengamalkan nilai-nilai agama

Mengamalkan Outsourcing dalam Perniagaan

“*Outsourcing*” ialah mengupah orang lain melakukan kerja bagi pihak pengusaha perniagaan apabila perlu. Sepertimana yang telah dilakukan Sayyidatina Khadijah RA suatu ketika dulu. Dengan mengetahui konsep *outsourcing* ini, 80% perniagaan dapat dijalankan secara automatik tanpa penglibatan pemilik perniagaan. Dengan cara ini beliau boleh meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga dan komitmennya terhadap masyarakat.

Delegasi perniagaan bermaksud memberikan kerja kepada orang lain dan menjalankan perniagaan secara automatik adalah antara kunci kejayaan perniagaan hari ini. Sayyidatina Khadijah RA telah lama menggunakan cara ini dan jauh lebih efektif lagi untuk perniagaannya, di mana lebih 80% usaha perniagaannya dilakukan oleh orang lain. Berpaksakan keperibadian yang tinggi, kebijaksanaan dan kepercayaan menjadikan Sayyidatina Khadijah RA memiliki empayar perniagaan yang terurus dan teratur.

Menurut para pengkaji, Sayyidatina Khadijah RA hanya berniaga dari rumah sahaja oleh kerana tugas berniaga ditugaskan oleh beratus orang pekerja dan ejen ke serata tempat. Sebagai seorang wanita yang bersaing dalam dunia perniagaan yang didominasi oleh lelaki, dan berjaya mencapai kejayaan melebihi usahawan lain ketika itu, menandakan kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah RA dalam mengagihkan kerja secara *outsourcing*.

Sayyidatina Khadijah RA menggunakan pemikiran yang sangat bijak dan strategik apabila

INFO:

Fakta Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ *Outsourcing* – mengupah pekerjaanya melakukan atau memperdagangkan barang dagangannya.
- ✧ Delegasi – memberikan kerja kepada orang lain yang dipercayai jujur dan amanah tanpa Sayyidatina Khadijah RA sendiri perlu ikut serta berdagang.

mengembangkan perniagaannya ke serata tempat dengan cara delegasi dan mengagihkan kerja perniagaannya kepada orang lain. Di sinilah juga dapat menggambarkan kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah RA dalam memilih pekerja-pekerja untuk mewakilinya dalam perniagaan dengan tepat Beliau akan mencari pekerja dan wakil perniagaannya dikalangan mereka yang dipercayai. Sepertimana kisah beliau memberi peluang perniagaan kepada Rasulullah SAW untuk mengetuai salah satu rombongan perniagaannya kerana peribadi mulia yang ada pada Nabi Muhammad SAW sebagai orang yang boleh dipercayai.

Rombongan perniagaannya sangat besar, hinggakan jika digabungkan rombongan-rombongan usahawan lain dari Quraisy, kesemua rombongan perniagaan yang di gabungkan itu masih lagi tidak sebanyak rombongan perniagaan yang dimiliki Sayyidatina Khadijah RA. Malah dilaporkan, keseluruhan jumlah rombongan pesaing yang digabungkan hanyalah separuh jumlahnya dari rombongan Khadijah! Kerana itulah beliau diberi nama *“Khadijah yang hebat!”*.

“Teamwork” Yang Jujur Dan Amanah

Bagi mengembangkan lagi empayar perniagaan Sayyidatina Khadijah RA memerlukan tenaga kerja yang boleh dipercayai. Ketika zaman itu, rasuah dan penyelewengan dalam perniagaan agak berleluasa. Begitu juga kecurian dan penipuan barang dagangan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Khadijah memerlukan seorang yang boleh diharap untuk salah satu rombongan perniagaannya. Ketika itulah dikaitkan peristiwa beliau terdengar mengenai seseorang yang bernama Muhammad yang terkenal dalam rombongan perniagaan yang lain sebagai seorang Al-Amin. Iaitu, seorang yang sangat dipercayai dan dihormati, jujur dan amanah tidak kira dikalangan rakan berniaga, pelanggan dan juga pesaing. Terdapat hadis yang menfokuskan tentang kelebihan sikap jujur dan amanah dalam perniagaan sebagaimana sabda baginda (al-Tirmizi 1962):

*“Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para Nabi,
orang yang jujur dan orang yang syahid.”
(Riwayat al-Tirmizi)*

Dalam empayar perniagaan Sayyidatina Khadijah RA, oleh kerana beliau tidak mengikuti bersama rombongan perniagaannya ke serata tempat, maka sebab itulah beliau sangat memerlukan pekerja yang jujur dan amanah. Perjalanan rombongan barang dagangan juga adalah dalam bahaya di mana rompakan dan kecurian juga sering berlaku dalam kalangan masyarakat Arab ketika itu. Oleh itu, kebanyakan kerja berdagang diagihkan kepada pekerja-pekerjanya untuk mewakili rombongan perniagaannya.

Oleh sebab itu beliau membina hubungan yang baik dengan pekerja-pekerjanya. Beliau memberikan perhatian kepada keperluan dan kebajikan mereka, mendengar pendapat mereka, dan memberikan sokongan dalam menjalankan tugas harian. Dengan menunjukkan kepedulian terhadap pekerja, beliau mencipta persekitaran kerja yang positif dan memberikan motivasi kepada mereka. Buktinya, Sayyidatina Khadijah RA memiliki Maisarah seorang pembantu setia yang jujur dalam setiap gerak kerjanya dalam perniagaan.

Kualiti Produk dan Perkhidmatan yang Unggul

Sayyidatina Khadijah RA memberikan penekanan yang tinggi terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh perniagaannya. Beliau memastikan bahawa setiap produk atau perkhidmatan memenuhi standard yang tinggi dan memenuhi kepuasan pelanggan. Sayyidatina Khadijah RA terkenal dengan kualiti produk-produk dagangannya. Beliau mengkhususkan diri dalam perdagangan sutera dan barang-barang mewah lainnya. Produk-produk ini dianggap sebagai yang terbaik dalam pasaran pada masa itu, menunjukkan komitmen beliau terhadap kualiti yang tinggi. Barang dagangan beliau yang lain antaranya ialah herba, kain, wangian, kismis, kurma dan juga barangan mewah dan tinggi kualiti.

Hubungan Baik Dengan Pembekal

Sayyidatina Khadijah RA sentiasa mengekalkan hubungan yang kukuh dan baik dengan pembekalnya. Menurut sejarah, dinyatakan bahawa beliau mengekalkan komunikasi tetap dengan pembekal dan mewujudkan hubungan kerjasama yang saling menguntungkan. Hubungan baik ini membantu dalam memastikan bekalan yang diperoleh adalah berkualiti dan lancar.

Oleh kerana itu beliau terkenal sebagai saudagar yang berjaya dan kaya di Mekah pada zamannya. Sehingga dapat memiliki khazanah-khazanah emas dan perak. Kafilah perniagaan Sayyidatina Khadijah RA dapat menandingi kafilah-kafilah Quraisy yang lain. Kejayaan ini menunjukkan beliau mampu mengurus stok dan bekalan dengan baik, memenuhi permintaan pasaran, dan memastikan pelanggan berpuas hati. Sayyidatina Khadijah RA membuat perancangan strategik yang teliti untuk perniagaannya. Beliau menetapkan visi, misi, dan matlamat yang jelas, serta merancang strategi untuk mencapainya. Perancangan strategik ini membantu beliau menjalankan perniagaannya dengan arah yang jelas dan terarah.

INFO:

Amalan Pengurusan Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA:

- ✧ Kenalpasti pasaran
- ✧ Bijak mengurus sumber manusia
- ✧ Kecekapan pengurusan stok perniagaan
- ✧ Penjenamaan
- ✧ Hubungan baik dengan pembekal
- ✧ Kualiti produk dan perkhidmatan yang unggul
- ✧ *Teamwork* yang jujur dan amanah


Pengurusan Stok Dan Bekalan Perniagaan

Dalam catatan sejarah, dikatakan Sayyidatina Khadijah RA menjaga stok barang dengan teliti. Walaupun tidak ada dokumentasi yang lengkap seperti yang kita ada hari ini, terdapat beberapa bukti yang boleh memberi gambaran tentang kecekapan pengurusan stok dan bekalan yang dijalankan oleh

Sayyidatina Khadijah RA. Beliau akan menyemak stok barangan dagangannya secara berkala untuk mengetahui kuantiti dan keadaan barang yang ada. Dengan memantau stok dengan teliti, beliau dapat membuat keputusan mengenai pembelian dan pengeluaran selanjutnya.

BAB 7

KETERLIBATAN DALAM MASYARAKAT



Objektif bab ini:

- 1.** Menerangkan konsep keterlibatan dalam masyarakat.
- 2.** Menerangkan elemen pembangunan dan sumbangan sosial, keagamaan serta kursus dan latihan dalam konteks usahawanwanita.
- 3.** Mengaplikasikan kisah Sayyidatina Khadijah RA dalam kehidupan usahawan dan masyarakat.

PENGENALAN

Usahawan hari ini harus menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab sosial bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Usahawan boleh menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab sosial seperti menghulurkan **derma kebajikan**, menjalankan **aktiviti sosial** dan **membina prasarana**. Apa yang dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah RA boleh menjadi teladan kepada usahawan hari ini bahawa beliau tidak pernah meninggalkan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat.

PEMBANGUNAN DAN SUMBANGAN SOSIAL

Sayyidatina Khadijah RA menjadi inspirasi kepada wanita untuk berperanan aktif dalam pembangunan dan sumbangan sosial. Kejayaan beliau sebagai usahawan dan keberaniannya dalam menghadapi cabaran perniagaan

menjadi bukti bahawa wanita memiliki potensi dan kemampuan yang luar biasa dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebagaimana gelaran *Ummul Mukminin* yang diberikan kepada Sayyidatina Khadijah RA menjadi bukti kepentingan figura wanita yang berpengaruh dalam sejarah Islam. Beliau merupakan **contoh teladan terbaik** bagi wanita dalam menelusuri aspek agama, sumbangan kepada masyarakat dan pembangunan komuniti. Oleh sebab itu Rasulullah SAW pernah bersabda (al-Tirmizi 1962):

*“Cukuplah empat wanita terbaik di dunia,
Maryam binti Imran, Khadijah binti Khuwailid,
Fatimah binti Muhammad dan Asiah”.
(Riwayat al-Tirmizi)*

Gelaran Ummul Mukminin Pertama

Sayyidatina Khadijah RA dikenali dalam masyarakat Arab pada ketika itu sebagai *Ummul Mukminin*, pemimpin dan contoh bagi semua umat Islam. Sayyidatina Khadijah RA bukan semata-mata melakukan sesuatu perkara dengan baik, bahkan mempamerkan komitmen yang tinggi dan sempurna. Beliau mendermakan ke semua harta miliknya tanpa rasa risau jika harta akan kehabisan, malah ketika hampir menghembuskan nafas terakhir, beliau masih memikirkan apa yang boleh diberikan untuk perjuangan Islam.

Beliau merupakan wanita yang bermartabat tinggi dan kaya raya, beliau mewarisi harta kekayaan dan banyak rumah perniagaan daripada ayahnya dan juga dua orang suaminya.

Kadangkala beliau memberi pinjam wang pinjaman atas dasar kongsi keuntungan kepada saudara mara yang dipercayainya. Ada kala beliau mengeluarkan modal yang diperoleh daripada pemberi

INFO:

Gelaran Sayyidatina Khadijah

- ✧ Ummul mukminin
- ✧ At-Tahirah
- ✧ Sayidatunnisa' al-Quraish
(penghulu kepada kaum wanita Quraishy pada zamannya/Permaisuri Quraishy)

pinjamannya dalam perdagangan kafilah. Apabila kafilah tersebut pulang daripada ekspedisi perdagangan, keuntungan yang diperoleh dibahagikan secara sama rata dan adil. Sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Arab Quraisy pada ketika itu meminjam modal perniagaan daripada Sayyidatina Khadijah RA. Bahkan beliau digelar "*Sayidatunnisa' al-Quraish* (penghulu kepada kaum wanita Quraish pada zamannya)" dalam kalangan masyarakat kerana satu-satunya wanita hebat pada masa itu yang memiliki kekayaan dan kemewahan.

Sumbangan Tidak Ternilai

Sayyidatina Khadijah RA sedikit sebanyak telah memberi sumbangan kepada Islam. Beliau telah banyak menolong masyarakat pada zaman awal kedatangan Islam tidak kira keturunan atau pangkat. Antaranya beliau telah membantu orang-orang miskin, janda, anak-anak yatim dan orang-orang cacat menggunakan keuntungan yang diperolehnya daripada hasil dagangannya. Apabila ada gadis miskin, beliau mengahwinkannya dan memberikan mas kahwin kepada mereka. Selain itu, beliau memberikan tempat tinggal kepada mereka. Beliau menggunakan banyak wangnya untuk membantu orang-orang Muslim Mekah yang miskin dan dengan cara itu beliau telah berjaya mematahkan rancangan orang-orang kafir yang mendera orang-orang Muslim ketika itu.

Minat dan kecintaan Sayyidatina Khadijah RA terhadap perkara-perkara kebajikan sudah menjadi kebiasaan sejak sebelum beliau masuk Islam lagi. Beliau tidak pernah segan silu memberi bantuan dan pertolongan kepada semua orang yang dikenalnya di Kota Mekah. Hal ini telah lama dilakukan baik pada masa Jahiliyyah mahupun setelah masuk Islam. Itulah salah satu sifat Sayyidatina Khadijah RA yang istimewa kerana memiliki keperibadian yang bersih.

Sayyidatina Khadijah RA sangat istiqamah memberikan bantuan harta benda demi perjuangan Islam sehinggalah ke akhir hayat beliau. Kasih dan sayang Rasulullah SAW terhadap Sayyidatina Khadijah RA amat tinggi. Pemergian Sayyidatina Khadijah RA adalah kesedihan berpanjangan yang dialami oleh Rasulullah SAW. Setelah kewafatan Sayyidatina Khadijah RA, masyarakat Arab Kota Mekah sunyi dengan kebaikan dan pengorbanan yang dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah RA terhadap masyarakat Mekah.

INFO:

Sumbangan Sayyidatina Khadijah RA dalam masyarakat

- ✧ Memberi sedekah kepada orang miskin
- ✧ Memberi makan kepada masyarakat kelaparan
- ✧ Memberi pinjam modal perniagaan
- ✧ Mengahwinkan gadis-gadis arab yang tak berkemampuan

Pemberi Makan Masyarakat yang Kelaparan

Selain dalam lokaliti masyarakat Arab Quraisy di Mekah, Sayyidatina Khadijah RA sangat terkenal di kalangan orang-orang Syam, Parsi, Iraq dan Rome di mana barang-barang Sayyidatina Khadijah RA pernah sampai ke negeri-negeri tersebut. Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA sangat diberkati kerana sering mendapat keuntungan melimpah dan kebaikan yang tidak terkira. Keuntungan dan hasil yang melimpah digunakan untuk perkara kebaikan. Antaranya ada disebutkan oleh para pengkaji, beliau sering mempelawa sesiapa sahaja untuk datang ke rumahnya. Diceritakan bahawa rumah beliau tidak pernah sunyi dengan orang-orang miskin kerana beliau sering juga memberi makan kepada orang-orang yang kelaparan. Setiap hari, Sayyidatina Khadijah RA memberikan makanan kepada orang-orang Muslim Mekah yang miskin sehingga tiada seorang pun yang menderita kelaparan.

***Layanan Baik Terhadap Wanita Kesayangan
Rasulullah SAW***

Menurut Muhibbuddin al-Tabari (1937) **Ummu Aiman** atau nama sebenarnya Barakah binti Tsa'labah merupakan wanita yang berkulit gelap yang berasal dari Habsyah (Ethiopia). Pada awalnya, semasa di Mekah Abdullah bin Abdul Muthalib, ayah Rasulullah membawa balik hamba bernama Ummu Aiman. Ketika mana Siti Aminah, ibu Rasulullah SAW wafat, Ummu Aiman adalah insan mulia yang menjaga Nabi Muhammad SAW. Begitu dekat hubungan Rasulullah dan Ummu Aiman, maka tidak hairanlah jika Rasulullah menyebut Ummu Aiman adalah ibu selepas ibu kandungnya, Siti Aminah. Ketika Rasulullah menikah dengan Sayyidatina Khadijah RA, beliau memerdekakan Ummu Aiman. Ummu Aiman akhirnya berkahwin dengan Ubaid bin Zayd yang berasal dari Madinah dan selepas itu dikurniakan seorang putera yang bernama Aiman. Ummu Aiman seringkali mengunjungi rumah Rasulullah SAW dan Sayyidatina Khadijah RA. Ini menunjukkan hubungan silaturrahim diantara mereka tetap terjalin. Namun, Ummu Aiman akhirnya bercerai dengan Ubaid kerana Ubaid tidak beriman kepada Allah. Setelah Ummu Aiman bercerai, beliau kembali ke rumah Rasulullah SAW. Baginda serta Sayyidatina Khadijah RA melayan beliau sebagaimana sebelumnya.

Suatu hari Rasulullah SAW bersabda (al-Dhahabi 1996):

*“Siapa yang senang menikah dengan wanita syurga,
hendaklah ia menikah dengan Ummu Aiman”*

Mendengar sabda tersebut, Zaid bin Harithah iaitu anak angkat yang dihadiahkan oleh Khadijah kepada Nabi Muhammad, telah menawarkan diri untuk menikahi Ummu Aiman walaupun jarak umur keduanya agak jauh. Namun keimanan Zaid melebihi segalanya. Pernikahan Ummu Aiman dan Zaid akhirnya dikurniakan Allah panglima termuda dalam sejarah Islam iaitu Usamah bin Zaid.

Selain Ummu Aiman, seorang lagi wanita istimewa kepada Rasulullah adalah ibu susuannya iaitu **Halimah Sa'adiyah**. Halimah Sa'adiyah atau nama

sebenarnya Halimah binti Abi Dhuayb Abdullah berasal daripada kabilah atau puak Arab Sa'd bin Bakr. Ketika kehadiran ibu susuan Nabi Muhammad SAW, bagi menceritakan kesusahan yang dialaminya dan kemarau yang melanda. Sayyidatina Khadijah RA telah menghadihkan 40 ekor kambing dan unta kepada keluarga Halimah Sa'adiyah. Ternyata, beliau sentiasa bermurah hati demi mendapatkan keredhaan Nabi Muhammad SAW, suami yang dicintainya. Nabi Muhammad SAW berterima kasih atas sikap dermawan Sayyidatina Khadijah RA terhadap keluarga ibu susuan baginda. Dalam hal ini Nabi bersabda (al-Bukhari 2002):

*“Sesiapa yang ingin diperluaskan rezeki dan dipanjangkan umurnya,
maka hendaklah dia menghubungkan silaturrahim.”*

(Riwayat al-Bukhari)

Terbukti kehebatan keperibadian yang dimiliki Sayyidatina Khadijah RA menjadikan beliau seorang yang sentiasa mendapat keberkatan dan limpahan kekayaan. Kebaikan yang ditunjukkan dalam masyarakat bukan sahaja untuk kaum kerabat beliau bahkan sesiapa sahaja.

Kehilangan Yang Dirasai

Sayyidatina Khadijah RA juga dikatakan mempunyai hubungan baik dengan ramai sahabat dan kenalan dalam masyarakat Arab Quraisy pada ketika itu. Malah Rasulullah SAW pernah menyembelih kambing dan menghadihkan kepada para sahabat dan kenalan Sayyidatina Khadijah RA kerana Rasulullah SAW tidak pernah melupakan orang-orang kesukaan Sayyidatina Khadijah RA untuk diberi hadiah atau sedekah. Ini menunjukkan kasih sayang baginda terhadap Sayyidatina Khadijah RA tidak pernah padam. Ternyata Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang wanita hebat yang sentiasa menjaga hubungan baik dengan masyarakat.

Begitu juga peristiwa kedatangan Halah binti Khuwailid iaitu saudara perempuan Sayyidatina Khadijah RA menimbulkan rasa cemburu isteri Nabi Muhammad SAW pada ketika itu iaitu Sayyidatina Aisyah RA. Ada riwayat yang menceritakan tentang reaksi Sayyidatina Aisyah RA ketika Halah adik kepada Sayyidatina Khadijah RA datang bertemu dengan Nabi Muhammad SAW. Kisah ini diceritakan sendiri oleh Aisyah dalam satu riwayat (al-Bukhari 2002):

INFO:

- ✧ Sayyidatina Aisyah RA pernah merasa cemburu terhadap Sayyidatina Khadijah RA kerana Nabi Muhammad SAW sering menyebut ketinggian akhlak, sifat dermawan dan keistimewaan yang ada pada Sayyidatina Khadijah RA dalam hidup Nabi Muhammad SAW.

“Halah Binti Khuwailid, adik perempuan kepada Khadijah meminta izin untuk bertemu dengan Nabi SAW. Maka Nabi dapat mengecam cara Halah meminta izin (kerana suara dan cara Halah sama seperti Khadijah). Lalu Nabi SAW merasa tenang. Aisyah berkata: Aku cemburu dengan perkara tersebut maka aku berkata: Apa yang engkau sebutkan adalah merupakan orang tua daripada Quraisy yang merah rahangnya telah pun meninggal dunia. Sesungguhnya Allah telah menggantikannya dengan yang lebih baik daripadanya.”
(Riwayat al-Bukhari)

Kecintaan Rasulullah SAW terhadap Sayyidatina Khadijah RA sangat menebal, ada diceritakan, semasa Rasulullah SAW bergurau dengan Sayyidatina Aisyah RA, baginda selalu menyebut nama Sayyidatina Khadijah RA menyebabkan Aisyah RA berkali-kali merasa cemburu. Sehingga ada suatu ketika, Sayyidatina Aisyah RA bangun meninggalkan Rasulullah SAW dan masuk ke dapur untuk memasak, maka Rasulullah SAW bangun dan menyuruh Sayyidatina Aisyah RA yang sedang masak untuk diagihkan kepada sahabat-sahabat Sayyidatina Khadijah RA.

Sekali lagi Sayyidatina Aisyah RA merasa cemburu dengan wanita bernama Sayyidatina Khadijah RA. Apa yang keluar dari mulut Aisyah ketika Nabi SAW banyak menceritakan tentang Sayyidatina Khadijah RA adalah disebabkan oleh rasa cemburu. Ini adalah satu perkara fitrah bagi seorang isteri. Beliau akan cemburu apabila suami menyebut tentang seorang wanita selain darinya. Tambahan pula jika wanita yang disebutkan itu adalah seorang yang banyak jasanya dan sangat disayangi masyarakat.

KEAGAMAAN

Sayyidatina Khadijah RA adalah salah seorang aktivis wanita dalam sejarah Islam yang harus dijadikan contoh tokoh wanita Islam yang banyak menabur bakti dalam bidang **dakwah**. Beliau adalah tokoh penting dalam perjalanan dakwah Nabi Muhammad SAW selama 25 tahun hidup bersama Rasulullah SAW.

Wanita Pertama Masuk Islam

Sayyidatina Khadijah RA merupakan orang yang pertama sekali beriman dan memeluk Islam. Khadijah adalah wanita pertama yang solat bersama Nabi Muhammad SAW. Khadijah juga merupakan murid pertama di dalam madrasah Nabi Muhammad SAW. Beliau menimba ilmu pengetahuan daripada suaminya. Hidup suaminya adalah untuk Allah dan kerana Allah begitu jualah Sayyidatina Khadijah RA. Ternyata beliau mengenali Tuhannya setelah Nabi Muhammad SAW membuka pintu hatinya dengan cahaya agama Islam. Beliau dapat mengetahui hakikat dunia dan bentuk kepalsuannya lalu beliau menjadi wanita Islam yang zuhud terhadap dunia.

Sebelum pertemuan Sayyidatina Khadijah RA dengan Nabi Muhammad SAW, diceritakan bahawa beliau berasa sangat gembira dan teruja setiap kali bapa saudaranya Waraqah bin Naufal menceritakan kisah-kisah Nabi Muhammad SAW dan Agama Islam kepadanya. Beliau pernah bermimpi

melihat matahari jatuh ke rumahnya dan rumahnya disinari cahaya yang menenangkan.

Sayyidatina Khadijah RA menceritakan mimpinya kepada Waraqah bin Naufal, lalu jawab Waraqah,

*“Khadijah! Ini adalah berita gembira,
jika Allah membenarkan mimpimu,
cahaya Nabi akhir zaman akan memenuhi rumahmu”*

Semasa Sayyidatina Khadijah RA menceritakan mimpinya, Waraqah meyakinkan Khadijah bahawa akan muncul Nabi akhir zaman penyelamat ummat dalam hidup Sayyidatina Khadijah RA. Waraqah merupakan seorang yang teguh dengan ajaran yang hanif, ajaran tauhid yang dibawa oleh Nabi Musa dan Isa ‘*alaihimassalam*. Beliau merupakan seorang yang alim dan menjadi rujukan Sayyidatina Khadijah RA.

Pendamping Rasulullah SAW dalam Perjuangan Islam

Ternyata dari awal lagi Sayyidatina Khadijah RA merupakan seorang wanita mulia yang mencari sinar agama dalam kehidupannya. Beliau juga merupakan seorang isteri yang solehah dan yakin akan kebenaran setiap perkara yang didakwahkan oleh suaminya, sepenuh masa, harta dan jiwanya dalam dakwah Nabi Muhammad SAW. Sayyidatina Khadijah RA membantu mengatasi segala ujian dan kesulitan yang dihadapi Rasulullah SAW. Malah juga menguatkan lagi dan meneguhkan hati Nabi Muhammad SAW dalam meneruskan cita-cita dan gerak kerja dakwah di awal kebangkitan Islam.

INFO:

✧ Sayyidatina Khadijah RA gemar bertawaf di Baitullah bagi memohon keberkatan dan dilancarkan urusan perniagaannya.

Antaranya, ketika Nabi Muhammad SAW bersiap sedia untuk ke Gua Hira' pada bulan Ramadhan untuk beribadah kepada Allah. Sayyidatina Khadijah RA membantu menyediakan keperluan dan bekalan suaminya sepanjang di Gua Hira'. Ternyata hatinya tenang dan lapang kerana Sayyidatina Khadijah RA tahu bahawa sepanjang suaminya *bertahannuth* di Gua Hira' ianya adalah tanda cinta dan rindunya kepada Allah SWT. Begitu juga ketika peristiwa Nabi Muhammad SAW bertemu dengan Malaikat Jibril membawa wahyu yang pertama. Beliau menenangkan dan meyakinkan hati Baginda bahawa Baginda akan menjadi Nabi dan akan mengangkat tinggi darjat kaumnya.

Seterusnya ketika saat menerima wahyu yang kedua, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya berjuang menegakkan agama Allah SWT dan mengajak kaumnya kepada tauhid. Sayyidatina Khadijah RA sentiasa meyakinkan Nabi Muhammad SAW ketika baginda dalam kebimbangan menghadapi kejadian-kejadian yang dilihatnya dalam mimpi. Beliau adalah orang pertama yang mengakui suaminya adalah Rasulullah dan menyatakan keislamannya tanpa keraguan sekalipun.

Sayyidatina Khadijah RA memberi kesempatan yang sebenar-benarnya kepada Nabi Muhammad SAW untuk menghadapi kehidupan berfikir dan "*beruzlah*". Beliau memberi semangat agar terus mencari hakikat sebenar dengan tidak dibebani persoalan rumahtangga dan perniagaannya, kerana semuanya diuruskan sendiri. Ketika Rasulullah SAW dalam keraguan dan kebimbangan menghadapi kejadian-kejadian yang dilihatnya dalam tidur, iaitu mimpi yang benar. Sayyidatina Khadijah RA meyakinkan Baginda bahawa dengan akhlaknya yang mulia, tidak pernah berdusta dan menyakiti hati orang lain. Maka mustahil Baginda diganggu atau digoda oleh jin dan syaitan.

KURSUS DAN LATIHAN

Sayyidatina Khadijah RA tergolong dalam suku *Quraisy Asadiyah* iaitu salah satu suku kaum Arab yang dihormati pada zaman itu. Beliau diasuh dan

dibesarkan oleh kedua-dua ibu bapanya dengan penuh kasih sayang serta diberikan *tarbiah* yang sempurna dan sesuai dengan tuntutan zamannya. Pendidikan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh kedua-dua ibu bapanya diterima dan diikuti dengan taat dan patuh sehingga Sayyidatina Khadijah RA tampil sebagai seorang wanita budiman yang berakhlak mulia dan tidak pernah berbangga dengan taraf kebangsawanan. Oleh yang demikian, pendidikan dan tunjuk ajar yang dimiliki oleh Sayyidatina Khadijah RA dijadikan latihan beliau dalam menguruskan perniagaan.

Tokoh Korporat Bijaksana

Sayyidatina Khadijah RA dididik berdisiplin oleh ayahnya Khuwailid bin Asad dan ibunya Fatimah binti Zaidah yang memang serba ada dengan kepandaian, kecergasan, kebangsawanan serta kekayaan yang melimpah. Oleh sebab itu beliau dipanggil "*Sayyidah Quraisy*" atau Ibu Quraisy yang sangat dihormati dan disanjung dalam masyarakat Quraisy pada ketika itu.

Beliau juga menjadikan pengalaman dalam perniagaan itu sebagai satu latihan buat dirinya untuk menjadi usahawan wanita yang lebih hebat. Beliau seorang yang pintar dalam melaksanakan strategi dalam perniagaan. Sebagai contoh, beliau bijak mencari pasaran bagi memasarkan barang jualannya. Hal ini dapat dilihat seperti mana ketika rombongan Nabi Muhammad SAW membawa barang dagangannya ke Syam, Sayyidatina Khadijah RA meminta

INFO:

Tips Perniagaan Sayyidatina Khadijah RA yang berkat:

- ✧ Kekalkan silaturrahim dengan keluarga dan masyarakat.
- ✧ Istiqamah dalam berbuat kebaikan kepada yang memerlukan (sedekah)
- ✧ Menunjukkan akhlak yang baik (*role model*)

Nabi Muhammad SAW membeli barang-barang yang berkualiti tinggi untuk dipasarkan dalam pasaran Mekah. Barangan sutera adalah antara yang dipilih kerana sutera yang terdapat di Syam mempunyai kualiti yang lebih

tinggi berbanding dari negeri dagangan yang lain. Keadaan itu menggambarkan bahawa beliau seorang yang berpengalaman, berilmu dan terlatih dalam perniagaan demi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Latihan Dan Pembangunan

Selain memilih pekerja yang berkualiti, Sayyidatina Khadijah RA juga memberikan latihan dan pembangunan kepada pekerja-pekerjanya. Ini membolehkan mereka meningkatkan kemahiran mereka, mengikuti perkembangan dalam industri, dan menyesuaikan diri dengan keperluan perniagaan. Dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan, beliau menggalakkan pertumbuhan pekerja dan memperkukuhkan kebolehpasaran barang dagangan mereka.

Sayyidatina Khadijah RA dikatakan bersifat mendidik dan sentiasa memberi kemahiran kepada pekerjanya yang ramai. Bahkan, Sayyidatina Khadijah RA mengamalkan konsep pemerkasaan pekerja yang mana beliau membenarkan pekerjanya berfikir dan mengambil keputusan dengan bebas. Kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah RA dalam melatih dan menguruskan pekerjanya ternyata membantu membangunkan perniagaannya.

PENUTUP DAN RUMUSAN

Dalam Islam, wanita merupakan golongan yang tidak pernah dipinggirkan dalam arus kehidupan masyarakat. Ia dapat dilihat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Sepertimana Sayyidatina Khadijah RA telah menunjukkan bahawa, Islam tidak pernah meminggirkan kaum wanita. Pengkajian tentang sirah Sayyidatina Khadijah RA menemukan kita banyak keistimewaan dan kehebatan beliau yang perlu diangkat dan dimartabatkan supaya menjadi rujukan dan ikutan umat sepanjang zaman. Wanita pertama yang memeluk Islam dan menjadi isteri junjungan besar Nabi Muhammad

SAW. Ini bukan sahaja memberi sumbangan yang besar dalam kejayaan dakwah Nabi SAW bahkan menjadi qudwah tersohor dalam urusan perniagaan dan keusahawanan. Ketokohan dan kecemerlangan beliau yang kurang diberi perhatian seharusnya digali dan dipelajari agar menjadi motivasi kejayaan khususnya kepada usahawan wanita.

Menerusi hasil penulisan modul ini, kita didedahkan dengan sejarah ringkas kehidupan Sayyidatina Khadijah RA bermula dari awal kelahiran beliau, kisah pernikahan beliau bersama Nabi Muhammad SAW serta sehingga wafatnya Sayyidatina Khadijah RA. Juga ada diterangkan tentang konsep keusahawanan, keusahawanan dalam konteks Islam, perkaitan antara Islam dan ekonomi, kepentingan ekonomi dalam kehidupan umat Islam serta penglibatan wanita dalam ekonomi Islam. Salah faham tentang kepentingan ekonomi juga diuraikan bersama pendekatan ekonomi yang digunakan untuk meningkatkan ekonomi umat Islam pada hari ini.

Terdapat empat komponen utama hasil kajian yang dilakukan terhadap usahawan wanita Kelantan yang berjaya, telah membuktikan bahawa terdapat ciri-ciri persamaan antara Sayyidatina Khadijah RA dan usahawan wanita Kelantan. Komponen tersebut ialah keperibadian, sistem sokongan, perniagaan sebagai kerjaya dan keterlibatan dalam masyarakat. Penulisan modul ini adalah signifikan dalam perkembangan keusahawanan wanita Islam bagi memberikan satu garis panduan kepada golongan usahawan wanita Islam yang berjaya dalam menerapkan amalan nilai-nilai murni berdasarkan amalan dan sifat Sayyidatina Khadijah RA serta Nabi Muhammad SAW sebagai elemen penting dalam panduan perlaksanaan.

Secara keseluruhannya, modul ini menjelaskan tentang bagaimana penceritaan perjalanan hidup Sayyidatina Khadijah RA adalah sepertimana mengikut rangka Model Usahawan Sayyidatina Khadijah RA (MUSK). Semoga dengan adanya modul ini, ianya dapat menjadi panduan kepada usahawan wanita secara khususnya dan seluruh wanita Islam secara umumnya bagaimana sebenarnya yang dikatakan wanita hebat dalam keusahawanan dan perniagaan ini merupakan wanita dambaan syurga.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul H. J., (1993). *Siti Khadijah Al-Kubra, Siti Aisyah, Siti Fatimah Az-Zahrah*. Maktabah Misr, 3, Syari Kamil Sidqi, al-Fajalah, Cairo, Egypt.

Abdul H. J., (2017). *Khadijah Binti Khuwailid*. Syarikat Nurulhas.

Abdul M. M., (2007). *Khadijah Kisah Cinta Sejati Rasulullah*. Karisma Network Sdn. Bhd.

Abdul W.H (2000). *Teladan Rasulullah SAW Di Dalam Kekeluargaan Dan Rumah Tangga*. Pustaka Ilmi.

Abu U.S., (2005). *Kisah Khadijah Binti Khuwailid: Wanita Hartawan Penyejuk Hati Nabi*. Jasmin Enterprise

Ahmad bin Hanbal (2013) *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, Dar al-Qalam, Damsyik Syria

Ahmad S., (1989). *100 Tokoh Wanita Terbilang*. Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*: Dar Ibn Kathir. Beirut

Al-Daylami (1986), *al-Firdaus bi Ma'thur al-Khitab*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Beirut Al-Dhahabi, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad (1996), *Siyar A'lam al-Nubala'*, ditahkik oleh Bashshar "Awwad, Muassasah al-Risalah Kaherah

Al-Hakim Muhammad bin Abdullah (2002), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, ditahkik oleh Mustafa Abdul Kadir, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Beirut

Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali (2003), *Al-Ta'rifat*, Kaherah: Maktabah al-Qur'an.

Al-Nasa'i (2001) *al-Sunan al-Kubra*, ditahkik oleh Hasan Abdul Munim al-Syalabi, Mu'assasah al-Risalah Beirut

Al-Qurtubi (2006), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, ditahkik oleh Dr Abdullah bin Abdul Muhsin, Muassasah al-Risalah, Beirut Lubnan.

Al-Tabrani Sulayman bin Ahmad (t.t.), *al-Mu'jam al-Kabir*, ditahkik oleh Hamdi Abdul Majid, Matabah Ibn Taymiyyah Kaherah.

- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Sawrah (1962), *Sunan al-Tirmidhi*, tahkik Ibrahim
- 'Atwah 'Iwad, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Daud M.S (2005). *Nabi Muhammad S.A.W: Keluarga & Sunnah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H.M.H. Al Hamid Husaini (1989). *Riwayat Hidup Siti Fatimah Azzahra R.A*. Lembaga Penyelidikan Islam Islamic Research Institute Jakarta.
- Ibn Khaldun (2004), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, ditahkik oleh Abdullah Muhammad binal-Darwish, Maktabah al-Hidayah, Damsyiq.
- Ibn al-Athir Ali bin Muhammad bin Abdul Karim (1987), *al-Kamil fi al-Tarikh*, ditahkik oleh Abdullah al-Qadi, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Beirut
- Ibn Hisham (1990), *al-Sirah al-Nabawiyah*, Dar al-Kirab al-'Arabiyy Beirut Isham
- M.A (2011). *Cintai Isteri Cara Rasulullah*. Must Read Sdn.Bhd.
- Khairul G., (2009). *Insan Mulia Di Sisi Rasulullah SAW*. Progressively Publishing House Sdn Bhd.
- Maulana Z. N., (2013). *Kisah Khadijah Muslim Pertama dan Isteri Nabi Muhammad*. 81Bloomngdale Rd, Hicksville, NY 11801, USA.
- Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (2004), *al-Lu'Lu' wa al-Marjān fi ma Ittafaqa 'alayhial-Shaykhan*. Dar al-Athar Mesir.
- Muhammad S., Irsyad Al-Hadith Siri Ke 479: *Adakah Saidatina 'Aisyah Membenci Saidatina Khadijah?* Diperolehi pada 10 Julai 2023 daripada: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/4263.html>
- Muhidduddin al-Tabari (1937), *Dhakha'ir al-'Uqba fi Manaqib Dhawi al-Qurba*, Maktabah al-Qudsiy Kaherah, Mesir
- Muslim bin Hajaj bin Muslim al-Qushayri (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Dar Taybah Riyad.

LAMPIRAN

A. Mengenali Sayyidatina Khadijah RA

1. Quraisy
2. At-Thahirah
3. Rasulullah SAW
4. Maisarah
5. Enam
6. Fatimah RA
7. Bergembiralah
8. Pendorong
9. Waraqah bin Naufal
10. Enam puluh lima

B. Asas dan Model Keusahawanan.

- 1.

Istilah	Penerangan
Usahawan	Seseorang yang mengusahakan sesuatu perniagaan sehingga berjaya dengan motif memperoleh keuntungan.
Keusahawanan	Keseluruhan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu bahkan cepak untuk mencari, mengenal dan merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha-usaha perniagaan untuk faedah ekonomi dan keuntungan.

Keusahawanan wanita	Keusahawanan wanita ini adalah mereka yang memiliki keutuhan dan keupayaan dalam empat elemen iaitu mempunyai motivasi diri dan komitmen yang tinggi; kebolehan kognitif, pengetahuan dan kemahiran; keupayaan mengurus sumber seperti kewangan, pekerja dan bahan mentah; serta kemampuan menguasai pasaran meliputi promosi, pemasaran dan penjenamaan.
Keusahawanan wanita dalam konteks Islam	Usahawan wanita Muslim menerapkan nilai-nilai keimanan, meningkatkan ibadah serta berakhlak mulia. Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam mengurus perniagaan mereka dengan baik dan bijaksana, seterusnya berdoa dan bertawakal kepada Allah untuk memperolehi kejayaan dunia dan akhirat.

2. Faktor kejayaan Sayyidatina Khadijah RA

Faktor-faktor kejayaan Sayyidatina Khadijah RA
1. Kepimpinan dan bijaksana.
2. Penghasilan produk yang berkualiti dan layanan yang unggul.
3. Jaringan dan rangkaian yang meluas dalam perniagaan.
4. Inovasi dan berani mengambil risiko.

3. Empat komponen model MUSK

- a. Keperibadian
- b. Pengurusan keluarga
- c. Kerjaya
- d. Keterlibatan dalam masyarakat


C. Keperibadian

1. Ciri-ciri keimanan seorang usahawan yang berjaya
 - i. Sabar
 - ii. Jujur
 - iii. Amanah
 - iv. Sanggup berkorban
 - v. Redha dengan ujian
2.
 - i. Latar belakang keluarga
 - ii. Motivasi
 - iii. Sikap
 - iv. Kewangan
3.
 - i. Kreatif
 - ii. Inovatif
 - iii. Mudharabah
 - iv. Unik

D. Sistem Sokongan

1.
 - i. Sokongan emosi dan motivasi
 - ii. Sokongan praktikal
 - iii. Sokongan fleksibiliti dan waktu
2.
 - a. Ketekunan
 - b. Ketangkasan mental
 - c. Keyakinan diri

3.



E. Perniagaan Sebagai Kerjaya

Jawapan adalah mengikut kategori yang dipilih.

F. Keterlibatan Dalam Masyarakat

A) Pembangunan Dan Sumber Sosial

1. Pekerjaan
2. Taraf hidup
3. Aspirasi

B) Keagamaan

1. Jihad
2. Jujur
3. Halal

C) Kursus dan Latihan

1. Kemahiran
2. Kursus

SENARAI TOKOH YANG DITEMUDUGA BAGI PROJEK MODUL USAHAWAN SAYYIDATINA KHADIJAH (MUSK)

1. Puan Masnora Binti Husain
Pengusaha ZM Berkat Busines
2. Puan Wan Zaini Binti Wan Mat
Pengusaha WZ Craft dan Mudarribah PPWK Pasir Pekan
3. Puan Nor Azida Binti Ismail
Pengusaha Kedai Emas Sri Ayu (Fine Gold)
4. Puan Rahimah Binti Rani
Pengurus V Soho Enterprise
5. Puan Siti Nor@ Halimah Binti Salleh
Pengusaha Kedai Nasi Ayam Mek Limah
6. Puan Hasnah Binti Salleh
Pengusaha Husna Colek
7. Puan Che Zaiton Binti Che Ngah
Pemilik dan pengurus Zaeen Food Industries
8. Puan Rozana Binti Hassan
Pemilik Farmasi Perdana
9. Puan Ezah Binti Zakaria
Pemilik Syarikat Ezah Cookies
10. Puan Hajah Nor Sabimi Binti Mohamed Aluwi
CFO Purity International
11. Puan Wan Nur Syuhada Binti Wan Norzie
Chief Executive Officer (CEO) Sobella Beauty Sdn. Bhd.
12. Puan Asmak Binti Husin
Pendakwah Selebriti
13. Puan Hajjah Kelthom Binti Haji Hussin
Pengusaha Cik Minah Songket dan Batik

14. Puan Hajah Nik Shamsiah @Aminah Binti Ismai
Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Nik Lah Perabot Sdn Bhd
15. Puan Hajah Kalthom Binti Othman
Ahli Dewan Negara (2003-2005) &
Ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia (1992-2001)
16. Puan Hajah Faezah Binti Ismail
Guru di Institusi Homalee
17. Puan Nurul Shuhada Binti Md Jusoh
Pengasas Butik Bridal Bellarina
18. Puan Wan Habsah Binti Wan Ahmad
Pengusaha Fatha Marketing
19. Puan Zarina Binti Mohd Nawawi
Pengusaha Dapur Ramadan
20. Puan Hajjah Wan Ubaidah Binti Wan Omar
Ahli Dewan Negara (2003-2008) &
Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan (2003-2018)
21. Puan Wan Noriah Binti Wan Ramli
Pengusaha Rumah Inap Desa,
Pegawai Eksekutif Kanan Gred 36 HUSM
22. Puan Che Nasiah Binti Che Omar
Penaung / Pengurus Syarikat Natika Batik & Songket, Syarikat Natika
Gold & Diamond, Natika Security
23. Puan Normaini Binti Shamsuddin (Cikgu Ni / Kak Ni)
Guru Di Tadika / Taska Anakku Cendekiawan
24. Puan Zailintun Binti Jaafar
Pengarah Pentadbiran Che Mah & Son Sdn Bhd
25. Puan Cik Izzatie Binti Zulkifli
Pengusaha RZ Garden Enterprise
26. Puan Noriyah Binti Ghazali
Pemilik Restoran Kedai Makan Kak Pah Abe Loh
Nasi Ikan Bekok & Ulaman
27. Puan Hajah Siti Esah @Siti Aishah Binti Haji Mahmood
Pengusaha Peniagaan Perkapalan Laut Dalam
(Wanita Pertama) Juta

28. Puan Siti Nur Annisa Binti Mohd Faizul
Pengusaha AF Beauty & Cosmetics
29. Puan Rohana Binti Che Cob & Siti Hawa Binti Che Cob
b/p: Wan Hasmah Wan Semail
Pengusaha Mak Wan Enterprise
30. Puan Haslini Binti Hussain
Pengusaha Syarikat Haslini
31. Puan Nik Sayyidah Fatihah Binti Yazib
Pengusaha Mek Business Centre
32. Puan Siti Nurhasyimah Binti Azmi
Pengasas SCMA HQ
33. Puan Siti Hafiza Binti Ibrahim
Pengusaha / Pembuat Kek
34. Puan Nurul Afrina Binti Sha'ari
Pengusaha Fiena Beauty
35. Puan Nik Ainin Sofiya Binti Mahmood
Pengusaha Sofieya Beauty Sdn. Bhd.
36. Puan Rahimah Binti Zakaria
Pengusaha
37. Puan Anes Ayuni Binti Osman
Pengusaha Awanees Empire (M) Sdn. Bhd.
38. Dato Seri Hasmiza Binti Othman (Dato' Sri Vida)
Pengusaha Qu Puteh
39. Puan Nor Asiah Binti Mohamad
Pengusaha Gaya Impian Bridal
40. Puan Nurasyidah Binti Mat Din
Pengusaha Yummyda Empire
41. Puan Emillia Azida Binti Ishak
Pengusaha Idaman Sayang Bakery
42. Puan Wan Mawar Shaputri Binti Wan Abdul Rashid
Pengusaha Kosmetik Mawarose
43. Puan Hajjah Zarinah Binti Muhammad Zain
Pengusaha Sos Ummi

44. Puan Noor Amirah Binti Kamaruzaman
Pengusaha Laundrybar
45. Puan Nazieda Binti Mohd Nasir
Pengusaha Bekam dan Terapi Spa
46. Puan Nurul Hafzah Binti Samsul
Pengusaha Kosmetik Tempatan
47. Puan Nasirah Binti Ishak
Pengusaha Pani Puri
48. Puan Nor Zalila Binti Hab
Pengusaha Nasi Kukus
49. Puan Siti Fatimah Binti Hassan
Pengusaha Tanaman Jagung
50. Puan Suibahtulaslamiah
Pengusaha Tudung Sue Scarf
51. Puan Nik Amirah Syamimi Nik Mahmud
Pengusaha Syamimi Beauty
52. Puan Tuan Siti Suhajira Binti Tuan Yusoff
Pengusaha / Kontraktor
53. Puan Farra Haneer Binti Mohd Noor
Pengusaha Tastytarts
54. Puan Dzuriasikim Binti Dzulkifli
Konsultan di Syarikat Penerbangan
55. Puan Yuraslina Binti Yusoff
Pengusaha Kak Lina's Homestay
56. Puan Fazilawati Binti Jaafar
Pengusaha Aiskrim Blackpink
57. Puan Nor Sahazwati Binti Khaidi
Pengusaha Restoren D'Dalit Transit
58. Puan Norziana Binti Ibrahim
Pengusaha Gieman Enterprise
59. PuanTuan Nur Sharmimi Binti Tuan Naza
Pengusaha TSAS EmpireNOTA

Wanita Berdikari Masyarakat Bestari



URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Tel: 09-748 1957@09-747 6568 Faks: 09-747 6530

ukekwa@kelantan.gov.my [f ukekwa](https://www.facebook.com/ukekwa) [u_kekwa](https://www.instagram.com/u_kekwa) [u_kekwa](https://www.youtube.com/channel/UCkEkwA) [wanitakelantan.com](https://www.wanitakelantan.com)

TALIAN HOTLINE

Kebajikan/ Bencana 019-988 2999
Kaunseling 013-983 5912
Kelas Jahitan & Sulaman 013-984 5917
Daftar Sukarelawan 013-984 6913
Majlis Perundingan Wanita 011-3310 2454
Taska Keluarga Mawaddah 013-983 6915